ڤتيقن تيته
PETIKAN TITAH

"ASPEK-aspek disiplin dan integriti juga perlu ditekankan sebagai elemen penting dalam pengurusan sumber manusia. Seluruh warga tentera hendaklah memperkukuhkan semangat cintakan institusi, sambil menjaga imej dan nama baik Angkatan Bersenjata Diraja Brunei."
- Titah Sempena Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB Ke-54.

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Pelita BRUNEI ڤليتا بروني

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسڽ ايمان
MANISNYA IMAN

"DAN janganlah kamu merasa lemah dalam menegakkan Islam, dan janganlah pula kamu bersedih pada hal kamulah orang-orang yang tertinggi darjatnya jika benar kamu orang yang beriman."
- (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali 'Imran, ayat 139).

Waktu Sembahyang

| IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 4.33 | 4.43 | 6.06 | 6.30 | 12.19 | 3.43 | 6.29 | 7.44 |

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 61 / BILANGAN 65 | 30 MEI 2016 / 1437 شعبان 23 | JABATAN PENERANGAN | EDISI ISNIN / PERCUMA

# Berangkat lawat Kelas Tuisyen PIP YSHHB



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) berkenan berangkat mengadakan lawatan kerja ke dua buah Pusat Kelas Tuisyen, Program Intervensi Pendidikan (PIP), YSHHB. - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah (*Lihat muka 3*).

# Kurnia pelantikan Pesuruhjaya Polis baharu

**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 28 Mei. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan ini Jabatan Perdana Menteri memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perintah bagi Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam, Timbalan Pesuruhjaya Polis dilantik menjadi Pesuruhjaya Polis bagi menggantikan Dato Paduka Seri Awang Haji Bahrin bin Mohd. Noor yang telah menamatkan kontrak perkhidmatannya sebagai Pesuruhjaya Polis.

Pelantikan Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam sebagai Pesuruhjaya Polis berkuat kuasa mulai hari Ahad, 22 Syaaban 1437 Hijrah bersamaan dengan 29 Mei 2016 Masihi.



Muka 4

JUALAN Amal Kementerian Pendidikan meriah

# Ibu bapa berperanan galakkan anak-anak menabung

Oleh : Nooratini Haji Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 28 Mei. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, selaku Ahli Lembaga Pengarah Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) menekankan pentingnya peranan dan galakan ibu bapa serta penjaga, dalam sama-sama memupuk budaya pengurusan kewangan yang berhemat dan amalan suka menabung dalam kalangan anak-anak dan ahli keluarga masing-masing.

Dengan meningkatkan sikap berhemat dan celik kewangan dalam kalangan masyarakat yang bermula dari peringkat keluarga ia akan dapat membantu dalam mengukuhkan lagi jaminan sosial masyarakat dan penduduk negara ini.

Justeru itu, Hari Menabung Kebangsaan dihasrat untuk membangun generasi yang berkemahiran dan boleh berdikari dari segi kewangan yang mana bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan orang ramai dan masyarakat mengenai kepentingan menyimpan kewangan bagi keperluan pada masa akan dating, di samping mengetengahkan produk dan perkhidmatan kewangan yang ditawarkan oleh institusi-institusi kewangan di Negara Brunei Darussalam.

Menurut Yang Berhormat, semasa Majlis Perasmian Hari Menabung Kebangsaan 2016 di Dewan Teater, Kementerian Kewangan, di sini, pihak AMBD, selaku autoriti yang berperanan dan bertanggungjawab dalam memastikan kestabilan kewangan di negara ini, melalui dasar-dasar monetari yang berkesan telah mengambil langkah-langkah proaktif dalam memperkenalkan beberapa inisiatif.

Ke muka 6

# IBTE capai pengiktirafan antarabangsa

**Bismillahir Rahmannir Rahim
Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan selamat pagi
kepada awda semua.**

**PERTAMA** sekali, izinkan saya untuk mengucapkan terima kasih kepada Dr. Chin Wei Keh kerana mengundang saya menjadi tetamu kehormat dan saya mengenali Naib Presiden Barisan Perniagaan untuk Asia-Pasifik di Bureau Veritas, Singapura, Mr. Arnaud Torcheux yang bersama kita pada pagi ini.

Izinkan saya untuk mengucapkan tahniah kepada yang terlibat secara langsung dan tidak langsung atas komitmen dan usaha gigih awda dalam mengambil cabaran dan berjaya membawa hasil bagi institusi lepasan menengah pertama di Negara Brunei Darussalam yang menggabungkan Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) ISO 9001 : 2008 ke dalam seluruh organisasi. Sesungguhnya ini adalah satu kebanggaan bagi semua orang yang terlibat.

Untuk mendapatkan pensijilan ini bukan sesuatu yang mudah, terutamanya bagi institusi besar yang mempunyai banyak kampus di bawah bidang kuasanya dengan proses seperti Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE). Kementerian Pendidikan mengiktiraf dan mengakui kerja keras yang besar dan komitmen pihak pengurusan dan kakitangan IBTE yang telah dilakukan dalam mencapai piawaian antarabangsa ini.

Seperti yang dijelaskan oleh pengerusi sebelum ini, usaha IBTE dalam kualiti telah bermula dengan Pensijilan QMS ISO 9001 : 2000 Jabatan Kejuruteraan Marin di IBTE Jefri Bolkiah pada tahun 2009 sebagai suatu keperluan Pertubuhan Maritim Antarabangsa. IBTE kemudian mengambil keputusan strategik untuk memperkenalkan QMS kepada seluruh kampus dan bahagian-bahagian lain yang berkaitan untuk menyediakan perkhidmatan pendidikan teknikal yang berkualiti bagi *stakeholders* dan sejajar dengan strategi transformasi IBTE ini. Saya juga berpuas hati dengan usaha pihak pengurusan dalam kualiti telah menjadikan IBTE menonjol sebagai salah satu penanda aras bagi sepanjang institusi pendidikan di negara ini.



**MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman semasa berucap pada Majlis Penyampaian Sijil Pengiktirafan Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001 : 2008 pada hari Isnin, 9 Syaaban 1437 Hijrah bersamaan 16 Mei 2016 Masihi di Longhouse Training Restaurant, Kampus IBTE Sultan Saiful Rizal Jalan Muara, Negara Brunei Darussalam.**

**Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh Hajah Musmariani Haji Mohammad**

Pensijilan ini adalah bertepatan pada masanya kerana ia adalah selaras dengan Wawasan Brunei 2035 yang bertujuan untuk mengubah Negara Brunei Darussalam kepada suatu bangsa yang diiktiraf secara meluas sebagai masyarakat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi. Dalam menuju ke arah wawasan dan kedudukan dalam KPI adalah penting bahawa pendidikan teknikal sebagai tonggak penting dalam sistem pendidikan Brunei, untuk terus kekal di barisan hadapan dalam perubahan dalam menghasilkan tenaga kerja yang mahir dan profesional dilengkapi dengan kemahiran teknikal yang diiktiraf antarabangsa dan berkelayakan.

Saya dimaklumkan bahawa dalam menyokong Perintah Pendidikan Teknikal Brunei 2014, IBTE telah menekankan dua objektif kualiti yang dicapai iaitu;

a) 80 peratus daripada graduan beroleh pekerjaan enam bulan selepas tamat pengajian;

b) 70 peratus kadar kepuasan daripada majikan mengenai graduan selepas enam bulan bekerja.

***IBTE akan berada dalam kedudukan yang lebih selesa untuk mencapai matlamat dengan meneruskan perjalanan ini dan boleh menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara walaupun mobiliti pekerjaan lebih mudah bagi graduan kerana mereka mempunyai kecekapan yang memenuhi keperluan industri negara dan rantau ASEAN.***

Saya yakin bahawa menjadi ISO yang disahkan, IBTE akan berada dalam kedudukan yang lebih selesa untuk mencapai matlamat dengan meneruskan perjalanan ini dan boleh menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara walaupun mobiliti pekerjaan lebih mudah bagi graduan kerana mereka mempunyai kecekapan yang memenuhi keperluan industri negara dan rantau ASEAN.

Ingin saya tekankan di sini bahawa memperolehi pensijilan ISO hanyalah permulaan. Pensijilan ini perlu dikekalkan sepanjang masa dan ini memerlukan kerjasama daripada semua pihak yang terlibat, termasuk industri dan *stakeholder* IBTE. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Pendidikan komited sepenuhnya untuk menyediakan sokongan yang diperlukan dan panduan strategik untuk memajukan lagi sistem pendidikan teknikal di Brunei dan oleh itu saya mencabar IBTE untuk menegakkan semua aspek dan sistem yang diperlukan untuk memastikan kemampanan pensijilan ini dan kesan positif yang akan membawa kepada pembangunan negara.

Sebelum saya mengakhiri, saya ingin mengucapkan tahniah sekali lagi kepada pengurusan dan kakitangan IBTE kerana mencapai pengiktirafan antarabangsa yang berprestij, Pensijilan QMS ISO 9001: 2008 dan atas dedikasi mereka yang menunjukkan peranannya dalam penyediaan perkhidmatan berkualiti.

Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk melahirkan penghargaan saya kepada semua pelbagai kumpulan yang telah bekerja keras untuk menjayakan acara ini.

Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.

***PENSIJILAN ini adalah bertepatan pada masanya kerana ia adalah selaras dengan Wawasan Brunei 2035 yang bertujuan untuk mengubah Negara Brunei Darussalam kepada suatu bangsa yang diiktiraf secara meluas sebagai masyarakat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi. Dalam menuju ke arah wawasan dan kedudukan dalam KPI adalah penting bahawa pendidikan teknikal sebagai tonggak penting dalam sistem pendidikan Brunei, untuk terus kekal di barisan hadapan dalam perubahan dalam menghasilkan tenaga kerja yang mahir dan profesional dilengkapi dengan kemahiran teknikal yang diiktiraf antarabangsa dan berkelayakan.***

## Dari Sidang Pengarang.

30 MEI 2016 BERSAMAAN 1437 شعبان 23

### AMALAN MENABUNG PUPUK GENERASI CELIK KEWANGAN

**AMALAN** menabung merupakan satu amalan yang proaktif dengan kesedaran seseorang dalam membuat persediaan bagi menjamin masa depan yang cerah. Amalan menabung itu bolehlah dilakukan dengan menyimpan wang di tabung mahupun di dalam bank. Walau bagaimanapun, terdapat banyak lagi cara kebaikan amalan menabung. Perkara ini bergantung kepada setiap individu itu sendiri bagaimana cara menabung yang mereka pilih dan efektif.

Namun apa yang penting adalah amalan menabung itu akan mendidik kita supaya sentiasa berjimat cermat. Sikap berjimat cermat sebenarnya merupakan satu amalan yang baik kerana kita akan lebih berhati-hati dalam membuat perbelanjaan. Oleh itu, ia juga akan mengelakkan pembaziran. Sikap menabung boleh dipupuk jika sudah terbiasa dan disertai dengan amalan berbelanja yang terancang serta berhemat sejak usia muda, ia boleh membawa kepada kesejahteraan kewangan.

Pada tahun ini, Hari Menabung Kebangsaan bertemakan 'Generasi Celik Kewangan' mencerminkan matlamat untuk membangunkan generasi yang berkemahiran dan pandai berdikari dari segi kewangan. Hal ini juga akan menyumbang kepada matlamat Wawasan Brunei 2035 bagi Negara Brunei Darussalam untuk mempunyai ekonomi yang dinamik dan mampan, serta rakyat dan penduduk yang berkemahiran.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, selaku Ahli Lembaga Pengarah Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) menekankan pentingnya peranan dan galakan ibu bapa serta penjaga, dalam sama-sama memupuk budaya pengurusan kewangan yang berhemat dan amalan suka menabung dalam kalangan anak-anak dan ahli keluarga masing-masing.

Tambah Yang Berhormat semasa berucap pada Majlis Perasmian Hari Menabung Kebangsaan 2016 di Dewan Teater, Kementerian Kewangan baru-baru ini beliau menjelaskan dengan meningkatkan sikap berhemat dan celik kewangan dalam kalangan masyarakat yang bermula dari peringkat keluarga ia akan dapat membantu dalam mengukuhkan lagi jaminan sosial masyarakat dan penduduk negara ini.

Hari Menabung Kebangsaan dihasrat untuk membangun generasi yang berkemahiran dan boleh berdikari dari segi kewangan yang mana bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan orang ramai dan masyarakat mengenai kepentingan menyimpan kewangan bagi keperluan pada masa akan dating, di samping mengetengahkan produk dan perkhidmatan kewangan yang ditawarkan oleh institusi-institusi kewangan di Negara Brunei Darussalam.

Jelas Yang Berhormat lagi, pihak AMBD, selaku autoriti yang berperanan dan bertanggungjawab dalam memastikan kestabilan kewangan di negara ini, melalui dasar-dasar monetari yang berkesan telah mengambil langkah-langkah proaktif dalam memperkenalkan beberapa inisiatif.

Antara langkah yang telah diperkenalkan ialah peraturan mengenai Nisbah Keseluruhan Khidmat Hutang atau Total Debt Service Ratio (TDSR) yang mula berkuat kuasa pada 8 Jun 2015. Peraturan TDSR bertujuan untuk melindungi para individu daripada terperangkap ke dalam bebanan hutang (debt cycle) yang berlebihan yang boleh memberi impak yang berat kepada kebajikan dan kesejahteraan penghutang dan juga keluarga mereka.

Oleh itu, langkah memperkenalkan peraturan itu membolehkan mereka mempunyai baki gaji atau pendapatan yang mencukupi untuk menampung keperluan perbelanjaan bulanan, juga diharap akan dapat membantu mereka keluar daripada perangkap hutang yang membebani mereka secara berterusan.

Yang Berhormat juga penuh yakin dengan inisiatif-inisiatif yang diambil oleh agensi-agensi berkenaan, seperti AMBD, TAP dan institusi-institusi kewangan di negara ini, ia akan dapat meningkatkan lagi tahap celik kewangan dan mengukuhkan tahap pengurusan kewangan pihak individu di negara ini.

Oleh yang demikian, masyarakat di negara ini hendaklah mengetahui tentang peri mustahaknya pengetahuan serta amalan pengurusan kewangan yang bijak dan berhemat bagi memenuhi keperluan diri dan masa depan keluarga. Para ibu bapa juga memainkan peranan penting agar sentiasa mengingatkan anak-anak mereka tentang kebaikan menabung dan berjimat cermat dalam perbelanjaan. - **Ketua Penyuntingan (Rd).**




## WAKTU SEMBAHYANG

*firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:*
*"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."*

| Masihi MEI | HARI | Hijrah SYAABAN | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 30 | ISNIN | 23 | 4 . 33 | 4 . 43 | 6 . 06 | 6 . 30 | 12 . 19 | 3 . 43 | 6 . 29 | 7 . 44 |
| 31 | SELASA | 24 | 4 . 32 | 4 . 42 | 6 . 06 | 6 . 30 | 12 . 19 | 3 . 44 | 6 . 29 | 7 . 45 |
| 1 JUN | RABU | 25 | 4 . 32 | 4 . 42 | 6 . 07 | 6 . 30 | 12 . 19 | 3 . 44 | 6 . 30 | 7 . 45 |
| 2 | KHAMIS | 26 | 4 . 33 | 4 . 43 | 6 . 07 | 6 . 31 | 12 . 19 | 3 . 44 | 6 . 30 | 7 . 45 |
| 3 | JUMAAT | 27 | 4 . 33 | 4 . 43 | 6 . 07 | 6 . 31 | 12 . 19 | 3 . 45 | 6 . 30 | 7 . 45 |
| 4 | SABTU | 28 | 4 . 33 | 4 . 43 | 6 . 07 | 6 . 31 | 12 . 20 | 3 . 45 | 6 . 30 | 7 . 46 |
| 5 | AHAD | 29 | 4 . 33 | 4 . 43 | 6 . 07 | 6 . 31 | 12 . 20 | 3 . 45 | 6 . 31 | 7 . 46 |

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

**TALIAN KECEMASAN** | AMBULANS 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998 | (Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PENGANGKUTAN DARAT. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam 123 | NDMC 2380214

# Berangkat lawat Kelas Tuisyen PIP YSHHB





YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) berkenan berangkat ke Pusat Kelas Tuisyen, Program Intervensi Pendidikan (PIP), YSHHB di Bangunan Institut Kepimpinan, Inovasi dan Kemajuan (ILIA), Universiti Brunei Darussalam (atas dan kanan).

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**TUNGKU LINK**, Ahad, 29 Mei. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) berkenan berangkat mengadakan lawatan kerja ke dua buah Pusat Kelas Tuisyen, Program Intervensi Pendidikan (PIP), YSHHB.

Atur cara keberangkatan lawatan kerja bermula dengan keberangkatan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ke Pusat Kelas Tuisyen, PIP YSHHB di Bangunan Institut Kepimpinan, Inovasi dan Kemajuan (ILIA), Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Keberangkatan tiba Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman; Timbalan Pengerusi I Lembaga Pengarah YSHHB, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim; Timbalan Pengerusi II Lembaga Pengarah YSHHB, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah YSHHB.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dibacakan oleh Pengerusi Lembaga Tadbir Sekolah YSHHB, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar yang juga Ahli Lembaga Pengarah YSHHB, diikuti dengan sembah alu-aluan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi.

Acara diteruskan dengan sembah taklimat mengenai perkembangan Sekolah YSHHB yang disembahkan oleh Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom.

Sembah taklimat seterusnya disembahkan oleh Pengarah Urusan YSHHB, Awang Haji Brahim bin Haji Ismail mengenai PIP.

YTM kemudian dijunjung berangkat melawat kelas-kelas bagi menyaksikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran kelas-kelas tuisyen yang dikendalikan di ILIA.

YTM seterusnya berkenan berangkat membuat lawatan kerja ke kelas-kelas tuisyen PIP di Sekolah YSHHB bagi menyaksikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran kelas tuisyen yang dikendalikan di sana.

YTM juga berkenan beramah mesra bersama para sukarelawan YSHHB yang terlibat sebagai tenaga kerja dan pengajar dalam mengendalikan kelas tuisyen tersebut.

Setelah itu, YTM berkenan bergambar ramai sebelum menamatkan lawatan.

Keberangkatan YTM mencerminkan keprihatinan YTM terhadap usaha dan rancangan YSHHB khususnya dalam bidang pendidikan sebagai salah satu dari lima objektif utama penubuhan YSHHB.

Projek dan aktiviti yang diusahakan oleh YSHHB dalam bidang pendidikan menjurus kepada usaha bagi mempertingkatkan dan memperkembangkan bidang pendidikan melalui penyediaan bantuan pendidikan dan penyelidikan, mengendalikan program-program keilmuan serta menyediakan prasarana dan perkhidmatan pendidikan.

Penubuhan Sekolah YSHHB dan juga penyediaan kelas-kelas tuisyen di bawah PIP di seluruh negara adalah antara usaha-usaha yang diambil oleh YSHHB ke arah perkembangan pendidikan dan pembangunan modal insan selaras dengan dasar dan falsafah pendidikan di negara ini.

Di samping berusaha untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan pendidikan dan melahirkan para pelajar yang cemerlang dari Sekolah YSHHB, YSHHB juga turut mengambil perhatian terhadap pencapaian para pelajar yang terdiri daripada anak-anak dari kalangan keluarga yang kurang berkemampuan dan anak-anak yang mempunyai pencapaian yang lemah dalam pelajaran dan memerlukan bimbingan, iaitu melalui program *outreach* dengan menyediakan kelas-kelas tuisyen di bawah PIP yang kini dilaksanakan di seluruh negara.

Pengendalian kelas-kelas tuisyen ini dibantu oleh para sukarelawan yang mempunyai latar belakang bidang pendidikan selaku tenaga pengajar.

Di samping itu, YSHHB juga mendapat sokongan padu dari Kementerian Pendidikan dan UBD dan juga Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam pelaksanaan projek ini.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan menyaksikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran kelas-kelas tuisyen yang dikendalikan di ILIA (atas), manakala gambar bawah, Yang Teramat Mulia berkenan menyaksikan aktiviti pembelajaran yang sedang berjalan. Sementara gambar bawah kiri, YTM berkenan mendengarkan sembah taklimat semasa berangkat membuat lawatan kerja ke kelas-kelas tuisyen PIP, YSHHB di Sekolah YSHHB.





# Sambutan Israk Mikraj, penyampaian Pingat Kerja Lama KHEDN



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Pingat Kerja Lama (P.K.L) dan Sambutan Israk dan Mikraj bagi Tahun 1437 Hijrah / 2016 Masihi (atas), sementara gambar bawah, Yang Berhormat menyampaikan P.K.L sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-69 Tahun kepada penerima.




**Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**TUTONG,** Sabtu, 28 Mei. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatan di bawahnya mengadakan Majlis Penyampaian Pingat Kerja Lama (P.K.L) dan Sambutan Israk dan Mikraj bagi Tahun 1437 Hijrah / 2016 Masihi di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong, di sini.

Majlis tersebut dikendalikan bersama oleh Jabatan Daerah Tutong dan Jabatan Bandaran Tutong.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Majlis tersebut dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Tutong, Awang Haji Saiful bin Haji Ismail dan diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Adnan bin Haji Adam, selaku Pengerusi Bersama Majlis.

Sejurus selepas itu, Ceramah Khas disampaikan oleh penceramah undangan dari Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Mail bin Haji Besar dengan ceramahnya yang bertajuk 'Solat Kunci Syurga'.

Antara inti pati ceramah beliau menyentuh mengenai peristiwa Israk dan Mikraj Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, yang mana Israk adalah perjalanan malam Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dari Masjid al-Haram di Mekah ke Masjid al-Aqsa di Palestin.

Mikraj pula ialah keadaan Baginda semasa terus dibawa ke langit ke tujuh dan Sidratulmuntaha.

Melalui peristiwa ini juga sembahyang lima waktu difardukan kepada umat Islam.

Majlis berkenaan juga diserikan dengan persembahan tausyeh dari Kumpulan Ikhwanul Hassanah.

Pada majlis itu, tetamu kehormat menyempurnakan penyampaian pingat-pingat P.K.L sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-69 Tahun kepada 130 pegawai dan kakitangan dari jabatan-jabatan di bawah KHEDN.

Turut hadir, Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan bahagian, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai, penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung dan kakitangan jabatan-jabatan di bawah KHEDN.

Majlis Sambutan Israk dan Mikraj ini adalah salah satu aktiviti tahunan KHEDN yang dikendalikan bersama oleh jabatan-jabatan di bawah kementerian berkenaan.

## Bakal jemaah haji buat gelang tangan haji

**Siaran Akhbar : Jabatan Urusan Haji,**
**Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 28 Mei. - Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama memaklumkan bahawa semua bakal jemaah haji yang akan menunaikan fardu haji tahun 1437 Hijrah / 2016 Masihi adalah dikehendaki untuk membuat gelang tangan haji bagi mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh Kementerian Haji Arab Saudi yang menghendaki semua bakal haji supaya memakai gelang tangan haji semasa berada di Tanah Suci sebagai tanda pengenalan diri.

Menurut Siaran Akhbar Jabatan Urusan Haji, semua bakal jemaah haji negara ini yang telah terpilih unuk menunaikan ibadat haji tahun ini adalah dikehendaki untuk membuat urusan penempatan gelang tangan haji dengan syarikat yang dilantik, iaitu Syarikat Manggo Tree Advertising di alamat Unit No. 103, Tingkat 1, bangunan Kumbang Pasang, KM.3.5 Jalan Gadong, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam melalui talian nombor +673 2241651 atau +673 8818576 mulai hari Rabu, 1 Jun 2016.

Pada hari biasa bermula hari Isnin hingga Khamis dan Sabtu pada jam 8.30 pagi hingga 5.00 petang dan hari Jumaat bermula jam 8.30 pagi hingga 11.30 pagi dan 2.00 petang hingga 5.00 petang.

Manakala sepanjang bulan Ramadan pada hari Isnin hingga Khamis dan Sabtu bermula dari jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang dan hari Jumaat dari jam 8.30 pagi hingga 11.30 pagi dan 2.00 petang hingga 4.00 petang.

# Jualan Amal Kementerian Pendidikan meriah




MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman (kiri) ketika memotong ikatan belon tanda perasmian Gerai Jualan Amal Kementerian Pendidikan bertempat di Jerudong Park Amphitheatre.

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah**

**JERUDONG,** Sabtu, 28 Mei. - Kementerian Pendidikan telah menganjurkan Acara Gerai Jualan Amal selama dua hari bermula 28 Mei bertempat di Jerudong Park Amphitheatre.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan acara tersebut ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Juga hadir ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.

Acara tersebut merupakan aktiviti yang kedua kali pernah dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan yang mana ia diadakan buat pertama kali pada tahun 2005.

Pada tahun ini acara tersebut diselenggarakan oleh Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dengan kerjasama Bahagian Swasta, Kementerian Pendidikan.

Acara tersebut bertujuan untuk memberikan sumbangan derma kepada Tabung IKHLAS Kanak-Kanak berkeperluan khas yang di bawah pengendalian Unit Pendidikan Khas (UPK) untuk persiapan Ramadhan dan Hari Raya Aidilfitri yang akan menjelang.

Sebanyak lima peratus daripada hasil jualan acara tersebut juga akan didermakan pada Tabung IKHLAS Kanak-Kanak berkeperluan Khas yang mana seramai 4,161 telah didaftarkan di bawah UPK.

Kotak derma tabung berkenaan juga akan disediakan yang mana kutipan tersebut akan disalurkan 100 peratus pada tabung berkenaan.

Barang-barang yang dijual oleh warga Kementerian Pendidikan dan keluarga mereka termasuk barangan sama ada baharu atau terpakai seperti pakaian, mainan, majalah dan barangan elektrik.

Di samping itu, aktiviti lain seperti pameran kereta-kereta nostalgia juga diadakan.



YANG Berhormat Menteri Pendidikan ketika menyaksikan salah satu petak gerai jualan yang ikut serta pada Gerai Jualan Amal tersebut.

# Teknologi pembelajaran digital perlu berkembang

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali



**MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman berucap semasa melancarkan Simposium Antarabangsa Politeknik Brunei Ke-2 mengenai Pengajaran dan Pembelajaran Inovatif.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 28 Mei. - Kementerian Pendidikan telah banyak berkembang maju beberapa tahun dalam meningkatnya kualiti standard pengajaran dan pembelajaran yang sebahagian besarnya melalui inovasi pendidikan.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman berkata, inovasi pendidikan merupakan salah satu platform untuk menyediakan pendidikan berkualiti yang pada dasarnya perlu dikongsi oleh semua institusi pendidikan, swasta, awam, *mainstream* atau pakar.

Berucap semasa melancarkan Simposium Antarabangsa Politeknik Brunei Ke-2 mengenai Pengajaran dan Pembelajaran Inovatif, Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, inovasi dalam pendidikan, antara lain, termasuk pembelajaran digital.

"Pembelajaran digital boleh ditakrifkan sebagai apa-apa jenis pembelajaran yang dibantu oleh teknologi atau amalan pengajaran yang menggunakan teknologi secara berkesan. Ia berlaku dalam semua bidang pembelajaran dan domain yang merangkumi amalan penggunaan spektrum yang luas termasuk permainan berasaskan pembelajaran yang disesuaikan dan visual, mengakses kandungan digital, bekerjasama peringkat tempatan dan global, penilaian dan laporan *online,* penyertaan aktif dalam komuniti *online* dan menggunakan teknologi untuk berhubung, bekerja-sama, menyusun dan mencipta antara lainnya," ujar Yang Berhormat pada simposium yang berlangsung di Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah (PAPRSB), Universiti Brunei Darussalam.

Dalam konteks ini menurut Yang Berhormat, pendidikan melalui teknologi pembelajaran digital perlu berkembang melalui inovasi dan sasaran untuk membantu pelajar-pelajar kita menghadapi perubahan teknologi.

Yang Berhormat menyatakan, pelajar-pelajar pada masa kini perlu berdikari dan dilengkapi dengan kemahiran dalam menyelesaikan masalah, berfikiran kreatif dan berfikir di luar kotak, lebih penting lagi, mereka perlu menjadi inovatif dan bersedia untuk masa depan.

Jelas Yang Berhormat lagi, ia juga penting bagi amalan pendidikan dalam memanfaatkan kemajuan teknologi baharu untuk meningkatkan pengalaman pembelajaran pelajar melalui teknologi yang boleh membina pemahaman budaya lain yang lebih mendalam di seluruh dunia dan berhubung dengan budaya ini di luar keselesaan bilik darjah yang mudah dilakukan dengan alat peranti teknologi.

Menurut Yang Berhormat, ini adalah apa yang dimaksudkan dengan pembangunan dalam teknologi pada masa kini dan ini tidak berlaku pada masa akan datang, tetapi ia berlaku hari ini.

Tambah Yang Berhormat lagi, kami menawarkan campuran teknologi dari pelbagai alat teknologi yang terdapat hari ini kepada pelajar dan pelajar perlu mempunyai pilihan itu untuk menggunakan mana-mana teknologi baharu yang mencabar melalui pembelajaran berasaskan cabaran, untuk menggunakan teknologi dengan cara lebih berguna, bukan sahaja minat, tetapi juga dari segi pembangunan peribadi dan kemahiran berfikir.

"Pelbagai peranti juga memberi pelajar pilihan dalam alat atau teknologi apa yang mereka gunakan. Lebih kerap, pelajar akan memilih gabungan teknologi yang berbeza dan mereka akan mengambil cara yang terbaik dan paling berkesan untuk melengkapkan hasil pembelajaran," ujar Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat seterusnya berkata, keyakinan pada masa sekarang ialah jika kita mahu anak-anak kita untuk terlibat dengan pendidikan, ia adalah melalui teknologi yang akan membolehkan mereka untuk meneroka pelbagai bidang pembelajaran untuk pergi lebih jauh, dan baik di luar lingkungan kurikulum sekolah yang ditetapkan.

Menurut Yang Berhormat lagi, pendidikan adalah satu usaha jangka panjang dan terdapat keperluan kemahiran kurikulum dan amalan pengajaran yang inovatif dan teknik yang bertindak balas pada kemajuan dalam teknologi dan terus memberi inspirasi kepada pelajar-pelajar kita untuk menghadapi cabaran Abad Ke-21.

"Ini boleh dilakukan melalui pengajaran kemahiran sepanjang hayat yang mana adanya kandungan baik dalam nilai-nilai terpuji seperti yang termaktub dalam falsafah Melayu Islam Beraja di negara ini yang seharusnya dijiwai dalam semua peringkat pendidikan," ujar Yang Berhormat.

Di Kementerian Pendidikan tambah Yang Berhormat, inovasi pendidikan adalah salah satu keutamaan penting di mana Yang Berhormat yakin bahawa perkongsian inovasi pendidikan dalam simposium itu akan menawarkan ruang untuk menghasilkan guru dan pendidik yang berkualiti di seluruh bidang dan peringkat.

Dengan bertemakan 'Meningkatkan Pengajaran Inovatif dan Strategi Pembelajaran dalam Pendidikan Tinggi', Yang Berhormat percaya bahawa tumpuan itu adalah untuk membangunkan kemahiran ICT yang berkaitan dengan melengkapkan pendidik yang berkemahiran dan berpengetahuan dikongsikan dari pengalaman inovator pendidikan dari pelbagai negara.

Yang Berhormat menambah, pendidik perlu berupaya untuk menggunakan sepenuhnya ICT dalam pengajaran serta tidak takut pada penggunaannya dan Yang Berhormat pasti peserta memperoleh banyak manfaat dari simposium itu yang akan disebar kepada pelajar-pelajar dengan harapan untuk aspirasi kecemerlangan dalam kerjaya masa depan mereka dalam apa jua bidang-bidang yang dikejar.

Dalam usaha untuk memastikan kesesuaian dan daya saing dalam Abad Ke-21 tambahnya lagi, adalah penting bagi kita berusaha untuk terus berinovasi dan memperbaiki amalan pendidikan.

"Dengan itu saya menggalakkan pendidik untuk terus meningkatkan kualiti pengajaran dan program pengajaran, dan bekerja rapat dan membina hubungan kuat satu sama lain," tegas Yang Berhormat.

Dalam kehidupan dunia global masa kini jelas Yang Berhormat lagi, dengan pelbagai alat web yang mudah diperoleh, pelajar dengan motivasi yang mencukupi kini pada dasarnya belajar apa yang diinginkan, bila dan dari mana diinginkan pada dasarnya.

Yang Berhormat berkata, kita perlu memberi pelajar peluang untuk melakukan semua perkara itu dan kita pula memerlukan perubahan dan mungkin menghadapi rintangan pada perubahan, tetapi kita mesti bersedia untuk melakukan yang terbaik dalam melakukan segala-galanya yang diperlukan untuk membuat perbezaan yang ketara dalam kehidupan pelajar.

Tegasnya lagi, kita perlu mengubah cara membentangkan kurikulum dan kandungan, untuk menambah baik kaedah pengajaran, untuk menjadi inovatif, kreatif dan berdaya tahan kerana kita tahu bahawa pengajaran adalah lebih dari pekerjaan.

Yang Berhormat seterusnya menambah, kita perlu membuat perubahan kerana pelajar pada masa kini adalah berbeza dan mereka adalah anak-anak masa depan digital.

## Tingkatkan strategi pengajaran, pembelajaran inovasi



**MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman (tengah) hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan Simposium Antarabangsa Politeknik Brunei Ke-2 mengenai Pengajaran dan Pembelajaran Inovatif selama dua hari berlangsung di Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 28 Mei. - Simposium Antarabangsa Politeknik Brunei Ke-2 mengenai Pengajaran dan Pembelajaran Inovatif selama dua hari berlangsung di Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah (PAPRSB), Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Seramai 200 peserta yang terdiri daripada pensyarah, guru, dan pegawai pendidikan dari institusi pendidikan tinggi dari UBD, Universiti Teknologi Brunei, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Politeknik Brunei serta sekolah-sekolah menengah kerajaan dan sektor swasta menyertai simposium tersebut.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan simposium berkenaan ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Junaidi bin Haji Abdul Rahman; naib canselor, rektor, raes, ketua pengarah dan pengarah dari Kementerian Pendidikan.

Pada simposium tersebut, pakar terkemuka antarabangsa, Profesor Grainne Conole dari University of Bath Spa, United Kingdom menyampaikan pembentangan yang bertajuk 'Creative quality education : enhancing innovative teaching and learning'.

Simposium selama dua hari, iaitu yang berlangsung pada hari ini dan 30 Mei nanti membawakan tema 'Meningkatkan Pengajaran Inovatif dan Strategi Pembelajaran dalam Pendidikan Tinggi' dengan menekankan kemajuan dalam sistem pendidikan selama ini melalui reka bentuk inovatif, alat dan teknologi.

Simposium antarabangsa yang dianjurkan oleh Pusat Pengajaran dan Pembelajaran Inovatif, Politeknik Brunei dan disokong oleh Institut Sains Kesihatan PAPRSB, UBD itu bertindak sebagai platform untuk menggalakkan pembangunan profesional tenaga pengajar dan merangsang tenaga pengajar untuk menerima pakai strategi inovatif dalam mereka bentuk aktiviti kreatif yang dapat meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran.

Tujuan utama simposium diadakan untuk meningkatkan strategi pengajaran dan pembelajaran inovatif dalam pengajian tinggi serta meneroka pelbagai laluan dan amalan terbaik dalam pengajaran yang inovatif dan strategi bekerjasama digunakan di negara-negara tempatan dan antarabangsa.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk menerima pakai penggunaan pengajaran yang inovatif dan kerjasama teknologi serta membina rangkaian baik untuk kerjasama masa depan dengan peserta tempatan dan antarabangsa.



**ANTARA peserta terdiri daripada pensyarah, guru, dan pegawai pendidikan dari institusi pendidikan tinggi dari UBD, Universiti Teknologi Brunei, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Politeknik Brunei serta sekolah-sekolah menengah kerajaan dan sektor swasta yang menyertai simposium tersebut.**

# Ibu bapa berperanan galakkan anak-anak menabung



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, selaku Ahli Lembaga Pengarah Autoriti Monetari Brunei Darussalam menyampaikan ucapan dan seterusnya melancarkan Hari Menabung Kebangsaan 2016.

**Dari muka 1**

Antara langkah yang telah diperkenalkan ialah peraturan mengenai Nisbah Keseluruhan Khidmat Hutang atau Total Debt Service Ratio (TDSR) yang mula berkuat kuasa pada 8 Jun 2015.

Peraturan TDSR jelasnya, bertujuan untuk melindungi para individu daripada terperangkap ke dalam bebanan hutang (debt cycle) yang berlebihan yang boleh memberi impak yang berat kepada kebajikan dan kesejahteraan penghutang dan juga keluarga mereka.

Oleh itu, langkah memperkenalkan peraturan itu tambahnya, membolehkan mereka mempunyai baki gaji atau pendapatan yang mencukupi untuk menampung keperluan perbelanjaan bulanan, juga diharap akan dapat membantu mereka keluar daripada perangkap hutang yang membebani mereka secara berterusan.

Kira-kira 3,000 (atau enam peratus) daripada 52,401 peminjam didapati mempunyai tahap TDSR yang melebihi 80 peratus berdasarkan kajian awal pihak AMBD, iaitu dari bulan Jun 2015 hingga Mac 2016.

"Kita penuh yakin dengan inisiatif-inisiatif yang diambil oleh agensi-agensi berkenaan, seperti AMBD, TAP dan institusi-institusi kewangan di negara ini, ia akan dapat meningkatkan lagi tahap celik kewangan dan mengukuhkan tahap pengurusan kewangan pihak individu di negara ini," ujarnya.

Dalam kepesatan teknologi maklumat yang lebih canggih pada masa ini serta kewujudan sektor kewangan yang semakin dinamik dan inovatif, kita selaku pembeli atau pelanggan mungkin sahaja mudah terdedah pada cabaran baharu dalam perancangan perbelanjaan.

Ini kerana melalui iklan atau program pemasaran yang menarik, orang ramai mudah saja terpengaruh untuk membuat perbelanjaan berdasarkan keinginan semata-mata (*impulse buying*) tanpa mengambil kira sepenuhnya keperluan, malah keupayaan kewangan mereka.

Yang Berhormat menyatakan, terdapat juga cabaran dalam bentuk skim-skim atau produk-produk kewangan atau pelaburan yang diragui kesahihannya.

Walaupun perkara itu sudah sering ditimbulkan dan juga diperingatkan melalui berbagai-bagai media massa, terdapat juga banyak mangsa-mangsa dari skim-skim tersebut yang mengalami kerugian kewangan yang besar, masih terdapat pihak-pihak yang tertarik untuk menyertai skim kewangan sedemikian.

Malahan terdapat juga terangnya, mereka yang sanggup menyalahgunakan perkataan 'patuh syariah' atau Syriah Compliance dalam sebahagian produk tersebut untuk memerangkap orang ramai.

Dalam hal itu, kita ingin menasihatkan mengenai perlunya orang ramai sentiasa peka dan berwaspada terhadap risiko-risiko yang dibawa oleh tawaran-tawaran produk kewangan dan pelaburan yang menjanjikan pulangan yang terlalu tinggi dan kurang munasabah dalam jangka waktu yang singkat.

Dari itu, Yang Berhormat mengingatkan agar perlu setiap tawaran bagi menyertai sebarang bentuk skim kewangan atau pelaburan hendaklah dipastikan bahawa produk-produk kewangan dan pelaburan tersebut telah mendapat kelulusan dan pengiktirafan daripada pihak AMBD.

Lebih kurang 230 orang di negara ini mempunyai pengiktirafan dalam pengurusan kewangan, termasuk wakil dari bank, agen insurans / takaful, perkhidmatan pasaran modal dan juga TAP.

# FPAB bantu tingkatkan celik kewangan

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 28 Mei. - Objektif Financial Planning Association of Brunei Darussalam (FPAB) merupakan sebuah pertubuhan profesional yang mewakili perancang-perancang kewangan di negara ini untuk mendukung dan membantu dalam mendidik dan mempertingkatkan tahap celik kewangan di negara ini melalui kefahaman yang lebih baik mengenai kepenting perancangan kewangan.

Ia juga bagi menyediakan sebuah platform di mana ke semua pihak yang berkepentingan di dalam bidang perancangan kewangan boleh mengadakan dialog yang bermanfaat, di samping mengiktiraf perancangan kewangan sebagai satu kerjaya.

Hadir selaku tetamu kehormat dan merasmikan Majlis Hari Menabung Kebangsaan 2016 ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, selaku Ahli Lembaga Pengarah Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD).

Turut hadir ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong; Timbalan Menteri di JPM, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Roselan bin Haji Mohd. Daud dan Timbalan Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hisham bin Haji Mohd. Hanifah.

Sementara itu, Pengarah Urusan AMBD, Awang Haji Yusof bin Haji Abd. Rahman dalam ucapan alu-aluannya menyatakan, 'Generasi Celik Kewangan' merupakan tema yang berjaya dilaksanakan dan mendapat sambutan yang begitu menggalakkan.

Hasil daripada maklum balas penuntut-penuntut telah menunjukkan kesedaran mereka terhadap pentingnya sifat menabung untuk jaminan dan keperluan pada masa hadapan.

"Walau bagaimanapun, sebilang kecil mereka ini juga didapati masih kurang memahami sepenuhnya nilai mata wang berbanding harga barangan yang mana memainkan peranan yang penting dalam pengurusan dan perancangan kewangan," tambahnya.

Oleh yang demikian, usaha-usaha yang menjurus ke arah peningkatan tahap celik kewangan ini tegasnya, perlu diteruskan pelaksanaannya dan dipilih dengan fokus pada kepentingan celik kewangan dan penghayatannya bagi semua golongan masyarakat terutamanya generasi muda sejak dari peringkat persekolahan lagi.

Seterusnya, beliau berharap agar usaha-usaha dan sumber maklumat yang telah disediakan oleh agensi-agensi yang terlibat semasa acara-acara disepanjang bulan Mei ini akan dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya oleh orang ramai.

Tetamu kehormat kemudian menyampaikan hadiah kepada pemenang Peraduan Menulis Karangan sempena Hari Menabung Kebangsaan 2016 kepada juara Dayang Nursuhaila binti Lasa dari Sekolah Rendah Orang Kaya Ali, Wanika Setia Jaya Diraja, Kupang, sementara naib juara, Dayang Sarah Pang Yin Zia dari Sekolah St. Andrews dan tempat ketiga, Dayang Nurul Syuhaidah binti Mohd. Shah dari Sekolah Rendah Pengiran Setia Jaya Pengiran Abdul Momin, Pandan.

Majlis diserikan dengan pameran yang mengetengahkan produk dan perkhidmatan pengurusan kewangan anjuran FPAB yang disertai oleh Biro Kredit AMBD, Tabung Amanah Pekerja (TAP), Baiduri Bank Berhad, Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dan Takaful Brunei Keluarga (TBK).

Sempena Hari Menabung tersebut, AMBD dengan Kementerian Pendidikan dan TAP telah mengadakan beberapa jerayawara di keempat-empat daerah dan juga Financial Fun Fair di Jerudong Park Colonnade, sementara Program Financial Planning Day 2016 akan dibukakan kepada industri kewangan di negara ini pada 30 Mei ini di The Empire Hotel & Country Club.




MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, selaku Ahli Lembaga Pengarah Autoriti Monetari Brunei Darussalam semasa melawat petak Pameran Financial Planning Showcase anjuran FPAB.

# Musabaqah Menghafaz Al-Quran berserta Pemahamannya 1 - 2 Jun

**Siaran Akhbar :**
**Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 28 Mei. - Musabaqah Menghafaz Al-Quran berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1437 Hijrah akan diadakan selama dua hari berturut-turut, iaitu pada hari Rabu dan Khamis, 1 dan 2 Jun 2016 bertempat di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Sebanyak lima kategori akan dipertandingkan dalam musabaqah tersebut, di mana Kategori 'A': Menghafaz Surah-Surah Pilihan dari Juz 30, iaitu Surah Al-Buruuj, Surah Ath-Thaariq, Surah Al-A'laa, Surah Al-Ghaasyiah, Surah Al-Balad, Surah Asy-Syams, Surah Al-Lail dan Kompilasi Surah-Surah Lazim bermula dari Surah Adh-Dhuhaa hingga Surah An-Naas berserta Pemahaman Surah Al-Ghaasyiah, Surah Al-Fajr, Surah Al-A'laa, Surah Adh-Dhuha dan Surah Al-Qadr yang mana para peserta terdiri daripada kanak-kanak berumur 10 tahun ke bawah.

Sementara itu, Kategori 'B' pula Menghafaz Surah-Surah Pilihan, iaitu Surah Luqman, Surah As-Sajdah, Surah Yaa Siin, Surah Al-Insaan, Surah Ar-Rahmaan, Surah Al-Waaqi'ah dan Surah Al-Mulk berserta Pemahaman Surah Al-Jumu'ah, Surah Al-Munaafiquun dan Surah At-Thalaaq bagi yang berumur 15 tahun ke bawah.

Manakala bagi Kategori 'C' ialah Menghafaz Tiga Juz Al-Quran, iaitu dari Juz 1 hingga Juz 3 berserta Pemahaman Juz 3 bagi semua peringkat umur; Kategori 'D' ialah Menghafaz 15 Juz Al-Quran, iaitu dari Juz 1 hingga Juz 15 berserta Pemahaman Juz 10 bagi semua peringkat umur; dan Kategori 'E': Menghafaz 30 Juz Al-Quran, iaitu dari Juz 1 hingga Juz 30 berserta Pemahaman Juz 21 dan ia terbuka pada semua peringkat umur.

Para jemputan adalah dialu-alukan hadir pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan.

# 290 pelajar cemerlang diberi penghargaan



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman menyampaikan sijil kecemerlangan kepada seorang penuntut dari Sekolah Pengajian Islam.

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**

**BERAKAS**, Khamis, 26 Mei. - Seramai 290 orang pelajar cemerlang di bidang akademik dalam peperiksaan-peperiksaan awam bagi persekolahan ugama dan Arab diraikan pada Majlis Penghargaan Pelajar-Pelajar Cemerlang oleh Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Majlis penghargaan merupakan acara tahunan yang mula diperkenalkan pada tahun 2011 dan pada tahun ini ia diadakan di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan hadiah-hadiah penghargaan ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.

Pada majlis tersebut, sebanyak lima kategori penghargaan diberikan, iaitu 128 pelajar terbaik dalam Penilaian Sekolah Rendah, 41 pelajar terbaik dalam Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama Darjah VI, 62 pelajar terbaik dalam Sijil Pelajaran Ugama Brunei, 54 pelajar terbaik dalam Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei dan lima pelajar terbaik dalam Brunei Cambridge - General Certificate of Education Advance Level (BCGCE 'A' Level).

Majlis Penghargaan Pelajar-Pelajar Cemerlang ini merupakan penghargaan yang berprestij bagi memberi pengiktirafan pada kecemerlangan akademik dan usaha gigih pelajar-pelajar, sebagai insentif kepada pelajar-pelajar yang diraikan dan motivasi kepada pelajar-pelajar lain supaya akan terus mempertingkatkan usaha dan pencapaian akademik mereka dari semasa ke semasa.

Selain itu untuk memberi penghargaan kepada ibu bapa dan penjaga pelajar atas sokongan dan dorongan mereka dalam sama-sama memastikan kejayaan anak-anak mereka dan membarigakan kepada masyarakat mengenai kecemerlangan akademik yang dicapai oleh pelajar-pelajar persekolahan ugama dan Arab dalam bidang-bidang Ugama / Arab dan Sains.

Salah seorang penerima pencapaian terbaik dalam Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama, Dayang Nur Maizatul Hazirah binti Mohammad Hussaini semasa ditemui mengongsikan cara pembelajarannya, di mana beliau akan mengulangkaji pelajaran selepas menunaikan sembahyang Fardu Subuh, dan mengambil rehat seketika sebelum meneruskan lagi ulang kaji beliau pada waktu pagi dan juga petang.

Di samping itu, Dayang Nur Maizatul yang bersekolah di Sekolah Ugama Batalion Kedua, Tutong Kem menjelaskan bahawa beliau juga akan cuba menulis ringkasan dari apa yang diulangkajinya selain mengikuti kelas-kelas tambahan yang diajar sendiri oleh guru subjek mereka.

Anak ketiga dari empat beradik ini turut melahirkan harapannya yang ingin meraih lagi kejayaan yang cemerlang di peringkat seterusnya dan cita-cita beliau adalah untuk menjadi seorang doktor.

Sementara itu, Dayang 'Aliyah binti Haji Mat Dani, pelajar Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah (SMALHB) merupakan pelajar terbaik dalam BCGCE 'A' Level dan Sijil Tinggi Pelajaran Ugama.

Menurutnya, cara beliau mengulang kaji pelajaran ialah dengan membahagikan buku-buku yang perlu diulang kaji dan tidak mencampur adukkan buku-buku tersebut agar tidak ada kekeliruan.

Memandangkan beliau mengikuti pengajian dalam dua aliran, iaitu Arab dan Peringkat 'A' Level, masa mengulang kaji pelajaran jelasnya, perlu dibahagikan, di mana beliau juga ada mengulang kaji bersama rakan-rakan kelas beliau, iaitu melalui *study group* kerana baginya ia banyak membantu lagi dalam pelajaran mereka.

Perancangan masa depan Dayang 'Aliyah adalah untuk melanjutkan lagi pengajiannya di peringkat yang lebih tinggi di mana beliau sudah memohon bagi menyambung pengajian di beberapa buah universiti dalam dan juga luar negara.

# Belia cemerlang impian bangsa, negara

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 26 Mei. - Belia yang cemerlang adalah impian bangsa dan negara yang akan menjamin keutuhan sesebuah masyarakat, bangsa dan negara dalam erti kata memiliki nilai-nilai teras yang mulia dan kualiti diri yang baik serta berpengetahuan dan berkemahiran.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof menekankan bahawa belia merupakan aset negara yang sangat penting dan berharga yang berperanan besar dalam mencorak dan membentuk masyarakat, bangsa dan negara pada masa akan datang.

Berucap pada Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan (MTQBK) Peringkat Akhir bagi Tahun 1437 Hijrah / 2016 Masihi di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) Yang Berhormat seterusnya berkata, golongan belia seharusnya juga memiliki fizikal dan minda yang kuat, cerdas dan rasa ingin tahu yang tinggi. Dengannya mereka akan lebih berkeyakinan menghadapi pelbagai cabaran dan pengaruh yang mereka lalui atau tempuhi. Tanpanya, sudah tentu mereka dan negara akan menghadapi masa depan yang suram dan kurang meyakinkan.

"Adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk memandu golongan belia ini agar akan sentiasa berada di atas landasan yang betul sesuai dengan konsep, hasrat dan aspirasi negara," tegas Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambah, ia perlu digalas sebagai tanggungjawab kolektif di mana semua pihak dan dan lapisan masyakarat mempunyai peranan masing-masing di dalam sama-sama mendukung hasrat murni untuk melahirkan generasi belia yang boleh diharapkan sebagai pelapis dan penerus kepimpinan dan kejayaan negara pada masa akan datang.

Dari itu, musabaqah itu menurut Yang Berhormat, hendaklah dilihat dan disukat dari berbagai-bagai sudut positif, iaitu bukan sahaja dapat berfungsi sebagai wadah pertandingan bahkan juga sebagai pendekatan yang berkesan ke arah mendekatkan golongan belia pada kitab suci Al-Quran selari dengan hasrat murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam ini sebuah Negara Zikir.

Jelas Yang Berhormat, ia juga dapat menggalakkan belia untuk bergiat aktif dalam bidang pembacaan Al-Quran secara berlagu dan seterusnya mampu melahirkan pembaca atau qari dan qariah belia yang berkaliber menyertai pada Musabaqah Tilawatil Quran di dalam dan luar negeri.

"Adalah diharapkan kejayaan cemerlang para qari dan qariah yang sekali gus mengharumkan nama Negara Brunei Darussalam di mata dunia akan menjadi pendorong atau penyuntik semangat kepada belia-belia lain yang bergiat di dalam pembacaan kitab suci Al-Quran," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya berkata, golongan belia sebagai sebahagian daripada masyarakat yang berkepentingan katanya, hendaklah sentiasa menyedari bahawa kemajuan atau kemunduran sesebuah bangsa dan negara sama ada dari segi fizikal ataupun kerohanian banyak bergantung pada sejauh mana tahap kualiti penduduk belianya.

"Golongan belia kitani atau belia Brunei sewajarnya rasa amat bersyukur dengan persekitaran mereka hari ini dan mengambil peluang-peluang ini dengan langkah proaktif dalam mempertingkatkan keupayaan dan keterampilan diri masing-masing," tegas Yang Berhormat.

Sesebuah bangsa dan negara itu akan lebih membanggakan jika golongan belianya mahu mengambil peranan sama ada dari segi sumbangan tenaga mahupun buah fikiran dalam proses pembangunan bangsa dan negara.

# Muhammad Sa'dun, Dayangku Siti Ummi Syazana johan MTQBK

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 26 Mei.- Awang Muhammad Sa'dun bin Suhaili dan Dayangku Siti Ummi Syazana binti Pengiran Haji Marjuki masing-masing muncul johan qari dan qariah Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan (MTQBK) Peringkat Akhir bagi Tahun 1437 Hijrah / 2016 Masihi yang berlangsung di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Naib johan qari dan qariah disandang oleh Awang Ashizal bin Zainal Abidin dan Dayangku Amal Zahirah binti Pengiran Haji Jofri, sementara Awang Abdul Mu'in bin Haji Abd. Hamid dan Dayangku Nur Aqilah binti Pengiran Haji Ayub menyandang tempat ketiga.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof hadir selaku tetamu kehormat dan menyampaikan hadiah kepada para pemenang musabaqah.

Johan qari dan qariah menerima hadiah wang tunai sebanyak BND2,000, piala pusingan, piala iringan dan sijil penyertaan, manakala naib johan dan tempat ketiga qari dan qariah masing-masing menerima hadiah wang tunai sejumlah BND1,500, BND1,000 berserta piala iringan dan sijil penyertaan.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Setiausaha-Setiausaha Tetap KKBS, Dato Paduka Dr. Awang Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin dan Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil.

Terdahulu, Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Awang Zafri bin Haji Mohamed dalam ucapannya selaku Pengerusi Majlis berhasrat untuk melihat keupayaan dan prestasi para qari dan qariah belia di negara ini khusunya dalam bidang pembacaan Al-Quran secara berlagu atau taranum.

Menurutnya, penyertaan pada peringkat separuh akhir telah meningkat kepada 34 peserta berbanding sebelumnya 30 peserta yang mana tujuannya untuk memberikan peluang kepada para qari dan qariah yang berpotensi untuk bertanding di dalam acara yang lebih formal, di samping mengasuh bakat yang mereka miliki dalam aktiviti yang sangat bermanfaat itu.

Oleh itu, beliau berharap musabaqah tersebut akan terus dilaksanakan pada setiap tahun bukan sahaja bagi meningkatkan mutu bacaan para qari dan qariah belia yang telah lama berjinak-jinak dengan Al-Quran.

Katanya, ia juga akan dapat mendekatkan lagi golongan belia umum dengan Al-Quran sebagai landasan hidup selaras dengan konsep negara, iaitu Melayu Islam Beraja dan menjadikan negara sebagai sebuah Negara Zikir.

Majlis diserikan dengan persembahan tausyeh belia oleh Kumpulan Kelab Khidmat dan Qasidah Pusat Belia Bandar Seri Begawan.

MTQBK adalah salah satu projek tahunan yang diungkayahkan oleh Jabatan Belia dan Sukan (JBS). Ia mula dilaksanakan sejak tahun 1980 dan telah berjaya melahirkan ramai qari dan qariah yang berkaliber dan seterusnya mampu bersaing di peringkat yang lebih tinggi.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof menyampaikan hadiah kepada johan qariah, Dayangku Siti Ummi Syazana binti Pengiran Haji Marjuki.

Ia juga berperanan sebagai wadah kepada para qari dan qariah belia di negara ini untuk melihat keupayaan dan prestasi masing-masing khususnya dalam bidang pembacaan Al-Quran secara berlagu atau taranum.

Kemudian bagi persediaan pemilihan wakil negara ke Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara anjuran KKBS selain untuk memupuk dan menyemai rasa persahabatan dalam kalangan belia melalui program keagamaan.

Musabaqah tersebut disasarkan kepada belia yang berumur di antara 15 hingga 25 tahun yang bertujuan bagi menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan bagi Tahun 1996.

# Kenaikan pangkat pengiktirafan sumbangan ABDB

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

**BERAKAS GARISON**, Jumaat, 27 Mei. - Dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), seramai dua pegawai kanan, 72 pegawai dan seorang Pegawai Kadet ABDB telah diperkenankan untuk dinaikkan pangkat pada Majlis Kenaikan Pangkat berlangsung di Mes Pegawai Berakas Garison, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah.

Anggota yang dinaikkan pangkat ialah Pemerintah Tentera Udara Diraja Brunei, 265 Kolonel (U) Shahril Anwar bin Haji Ma'awiah dinaikkan ke pangkat Brigadier Jeneral dan Pengarah Perkembangan Keupayaan Tentera; 609 Leftenan Kolonel (U) Haji Mohd. Muluddin bin Awang Haji Latif dinaikkan ke pangkat Kolonel.

Sementara itu, seramai 14 pegawai dinaikkan ke pangkat Mejar / Leftenan Komander Tetap, 12 pegawai dinaikkan ke pangkat Pemangku Mejar / Leftenan Komander, 18 pegawai dinaikkan ke pangkat Kapten / Leftenan Tetap, 27 pegawai dinaikkan ke pangkat Pemangku Kapten / Leftenan dan seorang pegawai dinaikkan ke Leftenan.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Mulia Laksamana Pertama (B) Dato Seri Pahlawan Awang Abdul Aziz bin Haji Mohd. Tamit; Ahli-ahli Komiti Eksekutif Pertahanan, pemerintah-pemerintah angkatan tentera, komandan-komandan, pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan dan pegawai-pegawai dari Kementerian Pertahanan dan ABDB serta ahli keluarga para pegawai yang dinaikkan pangkat.

Kenaikan pangkat ABDB merupakan pengiktirafan yang berterusan sebagai penghargaan dan ganjaran kepada pegawai-pegawai yang telah melaksanakan tugas dengan baik dan memberikan sumbangan pada ABDB.



**PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah (kanan) menyempurnakan lencana kenaikan pangkat kepada salah seorang pegawai kanan ABDB yang berlangsung di Mes Pegawai, Berakas Garison.**

# Peserta SSEAYP terima sijil penyertaan

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad



**SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Dr. Awang Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin semasa menyampaikan sijil penyertaan kepada peserta yang hadir ke SIGA.**

**KATIMAHAR**, Jumaat, 26 Mei. - Seramai 19 orang peserta terdiri daripada bekas peserta Rancangan Kapal Belia telah menyertai Perhimpunan Program Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun (SSEAYP) Antarabangsa Ke-28 (SSEAYP International General Assembly - SIGA) berlangsung di Siem Reap, Kemboja pada 29 April hingga 2 Mei 2016 yang lalu.

Sehubungan itu, satu Majlis Penyampaian Sijil Penyertaan bagi para peserta yang telah menyertai perhimpunan tersebut diadakan di rumah kediaman Awang Haji Zainal bin Haji Sapar, berlangsung di 'Pondok Indah 579', Kampung Katimahar, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Dr. Awang Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Ketua Delegasi Negara Brunei Darussalam ke SIGA, Awang Mosli bin Haji Abdul Hadis dalam ucapannya menjelaskan, SIGA merupakan projek tahunan anjuran alumni SSEAYP antarabangsa dan tahun ini telah diungkayahkan oleh alumni SSEAYP Kemboja selaku tuan rumah.

Pada tahun ini tambahnya, Negara Brunei Darussalam diwakili oleh 19 orang peserta terdiri daripada bekas peserta Rancangan Kapal Belia tahun 1985, 1987, 2004, 2005, 2008, 2010, 2015 serta penyertaan daripada bekas keluarga-keluarga angkat.

"Penyertaan SIGA juga dibukakan kepada keluarga serta kawan-kawan bekas peserta kapal belia untuk sama-sama dalam mempromosi persahabatan berterusan dan rasa muhibah dalam kalangan warga ASEAN dan Jepun, serta membantu pertukaran maklumat mengenai aktiviti persatuan alumni masing-masing," jelasnya.

Menurut Awang Mosli, pada mesyuarat Majlis Presiden Alumni yang diadakan di Kemboja telah bersetuju menentukan tuan rumah bagi mengadakan SIGA, di mana Republik Filipina dijangka akan menjadi tuan rumah pada tahun 2017, diikuti dengan Republik Indonesia bagi tahun 2018, dan Negara Brunei Darussalam dijangka akan menjadi tuan rumah pada tahun 2019.

Sehubungan itu tambahnya, dalam masa tiga tahun mendatang, alumni BERSATU memerlukan komitmen daripada semua bekas-bekas peserta kapal belia untuk bekerjasama merealisasikan SIGA tersebut dan memohon bantuan serta kerjasama dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan khususnya Jabatan Belia dan Sukan.

SIGA tahun ini memilih tema, iaitu 'Kerjasama SSEAYP bagi Dunia lebih Hijau' di mana antara aktiviti yang dijalankan termasuk mesyuarat Presiden Alumni, penyampaian laporan aktiviti, lawatan ke muzium dan kilang pembuatan kapas serta penanaman pokok sebagai aktiviti sumbangan sosial.

Atur cara SIGA tahun ini juga memuatkan Majlis Penganugerahan SSEAYP International Award yang hanya diadakan tiga tahun sekali di mana salah seorang penerima adalah Awang Mosli bersama tujuh peserta dari Negara Asean dan Jepun.

# Produk kosmetik dicemari bahan terlarang

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 29 Mei. - Kementerian Kesihatan mengingatkan orang ramai supaya tidak menggunakan enam produk kosmetik yang mana hasil dari ujian makmal Bahagian Kawalan Mutu Ubat, Perkhidmatan Farmasi Kementerian Kesihatan telah mendapati bahawa produk tersebut dicemari dengan bahan terlarang yang tidak diisytiharkan.

Produk-produk berkenaan telah didapati melalui aktiviti pemantauan semasa pasaran yang dijalankan oleh Bahagian Penguatkuasaan Farmasi di kedai-kedai runcit.

Terdapat tiga produk kosmetik yang dicemari oleh merkuri, iaitu DNARS Skincare Normal / Jeragat-Day Cream yang diedarkan oleh Rohban Trade Sdn. Bhd. (988565-K), Shah Alam, Selangor; Walet 2 in 1 Super Whitening Cream with Herbal Comples (krim berwarna kuning) dan Walet 2 in 1 Super Whitening Cream with Herbal Comples (krim berwarna putih) yang masing-masing diedarkan oleh Co. Ltd. Taiwan.

Sementara DNARS Skincare Normal / Jeragat-Snow Cream yang diedarkan oleh Rohban Trade Sdn. Bhd. (988565-K), Shah Alam, Selangor dicemari dengan Hydroquinone dan Tretinoin, manakala Nouvelles Visages-NV Cream AHA & UV yang diedarkan oleh Nouvelle Beauty Centre Sdn. Bhd., No: 59, Lorong Haji Hussein 1, Off Jalan Raja Bot, Kampung Baru, 50300, Kuala Lumpur, Malaysia dan produk Tia Amelia-Krim Elvira masing-masing dicemari oleh Hydroquinone.

Bahan-bahan pencemar dalam produk berkenaan boleh mengakibatkan kesan-kesan mudarat yang membahayakan kesihatan.

Merkuri adalah bahan yang dilarang dalam produk kosmetik seperti yang ditetapkan di bawah Peraturan Ubat (Produk Kosmetik) 2007.

Penggunaan merkuri di dalam produk kosmetik adalah dilarang kerana ia boleh memudaratkan kesihatan. Ia mudah diserap melalui kulit dan mudah untuk berkumpul dalam badan. Tahap merkuri yang tinggi atau pendedahan yang kerap boleh menyebabkan kulit kebas, sakit kepala, ruam, perubahan warna kulit serta kerosakan pada buah pinggang dan sistem saraf. Ia juga sangat toksik kepada kanak-kanak yang belum dilahirkan.

Hydroquinone dan Tretinoin adalah bahan yang digunakan dalam ubat-ubatan yang memerlukan preskripsi bagi merawat penyakit kulit dan ia dilarang sebagai bahan di dalam produk kosmetik penjagaan kulit di bawah Peraturan Ubat (Produk Kosmetik).

Penggunaan Hydroquinone tanpa pengawasan boleh menyebabkan perubahan warna kulit, hipersensitiviti, bahagian kulit yang disapu menjadi biru-hitam atau gelap serta boleh meningkatkan risiko kanser kulit.

Penggunaan Tretinoin yang tidak betul boleh menyebabkan kulit yang disapu menjadi kemerahan, mengelupas dan parut pada kulit.

Kementerian Kesihatan tidak pernah mengeluarkan kebenaran ke atas pengimportan dan mengeluarkan Surat Pengakuan Notifikasi Produk Kosmetik bagi penjualan produk-produk tersebut. Berikutan dapatan ini, produk-produk berkenaan adalah dilarang untuk diimport dan dijual di Negara Brunei Darussalam.

Orang ramai yang telah menggunakan produk-produk tersebut adalah dinasihatkan untuk memberhentikan pemakaiannya dengan serta merta. Jika mereka mengalami kesan sampingan dan merasa tidak sihat selepas menggunakan produk-produk berkenaan, hendaklah berjumpa doktor dengan segera.

Orang ramai yang terlibat dalam penjualan produk-produk tersebut (termasuk penjualan secara *online* seperti melalui Facebook dan sebagainya) adalah diingatkan bahawa ia adalah menjadi satu kesalahan di bawah Peraturan Ubat (Produk Kosmetik), 2007 untuk mengimport dan memasarkan produk kosmetik di pasaran tempatan tanpa Surat Pengakuan Notifikasi Produk Kosmetik yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa di Kementerian Kesihatan, dan jika didapati bersalah boleh didenda tidak melebihi BND5,000 penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Kementerian Kesihatan juga memohon kerjasama orang ramai untuk melaporkan ke Bahagian Penguatkuasaan Farmasi jika mendapati produk-produk berkenaan masih dipasarkan di negara ini.

Untuk maklumat dan perhubungan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Bahagian Penguatkuasaan Farmasi melalui talian +673 2393298 sambungan 208, menghantar e-mel ke *pharmacy.enforcement@moh.gov.bn* atau berjumpa terus dengan Pegawai Penguatkuasaan Farmasi di Tingkat 1, Bangunan Perkhidmatan Farmasi, Kampung Madaras, Mukim Gadong 'A'.




**TIA Amelia - Krim Elvira.**




# ممڤرتاهنكن نڬارا توكس مليا

مسلمين يڠ درحمتي الله،

ماريله كيت منيڠكتكن كإيمانن دان كتقوأن كيت كڤد الله سبحانه وتعالى دڠن سبنر٢ تقوى يإيت إستقامه دالم مڠرجاكن سڬل سوروهنڽ دان منيڠڬلكن سڬل لاراڠنڽ. دڠن دمكين، مدهمداهن كيت منجادي أومة يڠ ترباءيك دان أوڠڬول سرت منداڤة كريضأن الله سبحانه وتعالى ددنيا دان دآخرة.

تاريخ ٣١ مي اداله تاريخ يڠ برسجاره دان منجادي ريستأن باڬي نڬارا بروني دارالسلام دان جنراسي يڠ اكن داتڠ يإيت تاريخ هاري أولڠتاهون أڠكاتن برسنجات دراج بروني. أڠكاتن برسنجات ممڤوڽاءي توكس يڠ ساڠة مورني يإيت ممڤرتاهنكن نڬارا درڤد سڬل أنچامن دان ڤنجروبوهن موسوه يڠ بوله مڠڬوڬت كأمانن دان كدولتن نڬارا.

الحمدلله، نڬارا بروني دارالسلام ممڤوڽاءي ڤاسوكن أڠكاتن برسنجات يڠ بركمممڤوان منجادي بينتيڠ أوتام كڤد ڤرتاهنن نڬارا. كيت سباڬي رعية دان ڤندودوق دنڬارا اين ڤاتوتله برشكور كڤد الله سبحانه وتعالى دان بربڠڬا ترهادڤ سومباڠن أڠكاتن برسنجات دراج بروني يڠ تيدق ترنيلاءي هرڬاڽ كڤد كأمانن دان جوڬ كسجهترأن نڬارا كيت يڠ ترچينتا اين.

توكس ممڤرتاهنكن أڬام دان نڬارا أمة بسر ڬنجارنڽ دسيسي الله سبحانه وتعالى، ساندايڽ كيت ڬوڬور دالم منجالنكن توكس ترسبوت إن شاء الله، الله سبحانه وتعالى اكن ممبريكن ڬنجارن ڤهلا يڠ ستيمڤل دڠنڽ.

ڤرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة آل عمران أية ١٦٩:

**تفسيرڽ:**

**دان جاڠنله سكالي٢ أڠكو مڽڠکا بهوا اورڠ٢ يڠ تربونه ( ماتي شهيد ) دجالن الله ايت ماتي بهكن سبنرڽ مريك ايت هيدوڤ دسيسي توهن مريك دڠن دكرنياكن رزقي.**

مسلمين يڠ درحمتي الله،

إسلام اداله أڬام يڠ منجيننتإي كدامين دان كأمانن، دان ممبنچي ڤرموسوهن. كأمانن، كسنتوسأن دان كستابيلن هيدوڤ رعية مروڤاكن هارڤن دان حسرة ستيڤ نڬارا، بايك نڬارا كچيل ماهوڤون بسر، سمأد اي نڬارا إسلام اتوڤون بوكن إسلام، سمواڽ مڠهارڤكن كأمانن دان كمعموران.

ددالم إسلام وجودڽ ڤاسوكن برسنجات بوكنله نية انتوق ملاكوكن ڤنجروبوهن دان ڤڠأنياياءن ترهادڤ سسياڤ، تتاڤي دڬوناكن باڬي ممڤرتاهنكن ديري دان نڬارا دري أنچامن، ڤڠحياتن دان ڤنجروبوهن.

دالم حال اينله برلاكوڽ ساله ڤهم سهيڠڬ تيمبول تودوهن دان تڠڬاڤن سينيس يڠ مڠاتكن إسلام ايت دسيبركن دڠن ككرسن، كظاليمن دان إسلام ايت مڠڬالقن ڤڤراڠن. مريك مندعوا إسلام ترسيبر اداله دڠن ڤڤراڠن.

باڬي ممبتولكن ساله ڤهم يڠ برلاكو اين، ڤرلوله دكتهوي دان دڤهمي ڤرينسيڤ سبنر ڤڤراڠن دالم إسلام. إسلام تيدق اكن ممراڠي سسياڤ تتاڤي اكن برجهاد ( برجواڠ ) حتى دڤراڠي. ڤڤراڠن دالم إسلام تيدق بوله برلاكو دان تيدق بوله دجتوسكن ملاءينكن أتس سبب٢ ترتنتو سڤرت ممڤرتاهنكن ديري دان منتڠ ڤنجروبوهن، ممڤرتاهنكن ديري دري ڤڠأنياياءن دان كظاليمن دان منڠڬقكن كعاديلن. إسلام ملارڠ ڤڤراڠن انتوق توجوان ملواسكن كواس، ڤڠاروه اتو جاجاهن تعلوق، بڬيتو جوڬ ملارڠ ڤڤراڠن كران ممبالس دندم، سهيڠڬ ممبوات ڤرموسوهن، دان كهنچوران.

إسلام ممبولهكن جهاد برسنجات دلاكوكن اڤبيل اورڠ إسلام دڤرڠي دان دظاليمي، دهالاو دري كمڤوڠ هلامن دان رومه مريك، هرت درمڤس، دتكه دري برإيمان كڤد الله سبحانه وتعالى دان برلاكو ڤنجروبوهن ترهادڤ مسجد. ڤرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة الحج أية ٣٩-٤٠: **تفسيرڽ:**

**تله دإذنكن برڤرڠ باڬي اورڠ٢ إسلام يڠ دڤرڠي دسببكن مريك ايت تله دظاليمي دان سسوڠڬوهڽ الله مها بركواس انتوق منولوڠ مريك منچاڤاي كمنڠن، يإيت مريك يڠ دأوسير دري كمڤوڠ هلامن مريك دڠن تيدق برداسركن سوات ألاسن يڠ بنر. مريك ايت دأوسير هاڽ دسببكن مريك بركات: توهن كامي إياله الله.**

جلس كڤد كيت بهوا إسلام مڠهاروسكن ڤرڠ اڤبيل دالم كادان ترڤقسا باڬي ممڤرتاهنكن ديري، منڠڬقكن كعاديلن دان ممڤرتاهنكن عقيده. إسلام مڠڬاريسكن باتس٢ يڠ مستي دڤاتوهي دان دإيكوتي كتيك ڤرڠ. جك موسوه إيڠين بردامي، مك اورڠ إسلام واجب مڠهنتيكن ڤڤراڠن. اورڠ إسلام دڤرينتهكن سڤاي تيدق ملاكوكن ڤرموسوهن دان منجابول حق اورڠ لاين. ڤڤراڠن بوكنله چارا هيدوڤ اورڠ إسلام. ڤڤراڠن اداله ڤيليهن ترأخير ستله تيدق اد چالن ڤيلسين.

سسوڠڬوهڽ إسلام اداله أڬام كأمانن دان منونتوت سڤاي ستيڤ أومتڽ برأوسها كأره كأمانن، تنڤا مڠيرا أڬام، بڠسا دان نڬارا، سلاڬي كحرماتن أڬام إسلام دان كأمانن اورڠ إسلام ترجامين دان تيدق دچابولي. الله سبحانه وتعالى برڤرمان دالم سورة البقرة أية ١٩٠:

**تفسيرڽ:**

**دان ڤراڠيله ڤد جالن الله اورڠ٢ يڠ ممراڠي كامو دان جاڠنله كامو ملمڤاوي باتس. سسوڠڬوهڽ الله تيدق سوك كڤد اورڠ٢ يڠ ملمڤاوي باتس.**

مسلمين يڠ درحمتي الله،

سماڠة ڤرويرا سهاروسڽ بوكن هاڽ اد ڤد تنترا تتاڤي ڤرلو اد ڤد سموا لاڤيسن مشاركة كران نڬارا ممرلوكن رعية يڠ ماهو برجواڠ دان برقربان باڬي ممڤرتاهنكن نڬاراڽ. اوله ايت ڤراسأن چينتا ڤد أڬام، راج دان نڬارا ڤرلو دسماي، نيلاي كمرديكأن دان كأمانن ڤرلو دهرڬإي. جاديكنله ڤمودا

ڤمودي نڬارا اين ڤمودا ڤمودي يڠ چرڬس دان ڬاڬه دري سڬي ڤيزيكل دان مينتل.

ماريله كيت سام٢ منانمكن سماڠة چينتا ڤد أڬام، چينتا ڤد كمرديكأن، نڬارا دان بڠسا، كران دڠن دمكين اكن لاهيرله ڤراسأن كاسيه دان ريلا برقربان. كيت بردعاء سموڬ نڬارا كيت يڠ ترچينتا اين سنتياس دباوه ليندوڠن دان ڤمليهارأن الله سبحانه وتعالى يڠ مها ڤڠاسيه لاڬي مها ڤڽايڠ. آمين يا رب العالمين.

**تفسيرڽ:**

**دان جاڠنله كامو مراس لمه دالم منڠڬقكن إسلام، دان جاڠنله ڤول كامو برسديه ڤد حال كاموله اورڠ٢ يڠ ترتيڠڬي درجتڽ جك بنر كامو اورڠ يڠ برإيمان. {سورة آل عمران أية: ١٣٩ }**

# Penyertaan CIPTA 2017 kini dibuka



JERAYAWARA CIPTA 2017 dihadiri oleh Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Hasmiron bin Haji Mohd. Taib (kanan).

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed

**KUALA BELAIT,** Rabu, 25 Mei. - Satu kumpulan kerja dari Jawatankuasa Kerja CIPTA 2017 menjalankan jerayawara di Dewan Kemasyarakatan Kampung Pandan, Kuala Belait, di sini.

CIPTA 2017 merupakan pertandingan dwitahunan kali ketujuh anjuran Universiti Teknologi Brunei (UTB) dengan kerjasama Brunei LNG Sendirian Berhad sebagai penaja utama.

Jerayawara itu adalah untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai Pertandingan CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota 2017 bagi Daerah Belait dan merangsang minat pelajar untuk mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut.

Semasa pameran, Jawatankuasa Teknikal CIPTA 2017, Awang Haji Shahrul Tazrajiman bin Haji Tajuddin dan Awang Zainidi bin Haji Abdul Hamid memberitahu akan kepentingan untuk memupuk kreativiti dan inovasi serta kaitannya dengan Pertandingan CIPTA.

Ia kemudian diikuti dengan pembentangan mengenai kategori; kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan; hadiah dan anugerah; proses penghakiman dan contoh-contoh projek yang dikemukakan dalam Pertandingan CIPTA sebelumnya.

Tema CIPTA 2017 'Inovasi Ekonomi Lestari' menekankan kepentingan menyokong wawasan negara untuk memupuk masyarakat inovatif yang akan diberi kuasa untuk menghasilkan ekonomi pelbagai dan mampan berdasarkan budaya ilmu juga inovasi.

Terdapat tiga kategori tempatan dalam CIPTA 2017, mencipta produk baharu, proses atau teknologi, mengubah suai produk sedia ada, proses atau teknologi serta mencipta baharu / mengubah suai produk, proses atau teknologi sedia ada oleh pencipta muda.

Sementara bagi Kategori ASEAN adalah mengenai ciptaan baharu dan inovasi, kategori tersebut merangkumi produk-produk baharu, proses atau teknologi untuk kegunaan masyarakat atau alam sekitar.

Ia terbuka kepada individu atau pasukan dari sains, teknologi dan bidang-bidang kejuruteraan.

Manakala Kategori Pencipta Muda dibukakan kepada pelajar-pelajar menengah atas (berusia 15 hingga 18 tahun) meliputi semua produk baharu, proses atau teknologi untuk kegunaannya kepada masyarakat atau persekitaran yang boleh memperbaiki atau meningkatkan fungsi atau kualiti.

Pemenang bagi Kategori Ciptaan Baharu dan Inovasi akan layak untuk bersaing dengan pemenang dari Kategori Tempatan, manakala bagi Kategori 1 dan 2 berpeluang bagi Anugerah Khas Putera Mahkota yang bakal memenangi hadiah utama berupa wang tunai dan piala.

Jerayawara tersebut dihadiri oleh Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Hasmiron bin Haji Mohd. Taib; penghulu mukim dan ketua kampung dari Kuala Belait, pegawai dari Brunei LNG, guru-guru sekolah, pelajar serta orang ramai.

Tarikh akhir untuk menyertai CIPTA 2017 ialah pada 31 Oktober 2016, sebarang maklumat lanjut boleh diperolehi melalui *www.utb.edu.bn/cipta.*

# Pelajar PB pamer kreativiti seni bina dalaman



PRESIDEN Pertubuhan Ukur, Jurutera dan Arkitek (PUJA) Brunei Darussalam, Awang Haji Mohammad Nazri bin Mohammad Yusof semasa merasmikan pembukaan Majlis Pelancaran Pameran Seni Bina Dalaman Kedua bagi Politeknik Brunei.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 23 Mei. - Bagi membentuk portfolio pelajar ke taraf profesional bagi memenuhi keperluan industri dan institusi pengajian tinggi, Politeknik Brunei (PB) menganjurkan Pameran Seni Bina Dalaman Kedua yang dibukakan kepada orang ramai selama dua hari pada Selasa, 24 Mei hingga Rabu 25 Mei 2016 bertempat di Lobi Jabatan Kerja Raya (JKR), di sini.

Sehubungan itu, hadir merasmikan pembukaan bagi Majlis Pelancaran Pameran Seni Bina Dalaman Kedua bagi PB yang diadakan bertempat di Dewan JKR itu ialah Presiden Pertubuhan Ukur, Jurutera dan Arkitek (PUJA) Brunei Darussalam, Awang Haji Mohammad Nazri bin Mohammad Yusof.

Terdahulu, Pemangku Pengarah PB, Denis Ho Mun Tai dalam ucapannya berkata, seramai 51 pelajar menyertai Kursus Diploma Lanjutan dalam Program Seni Bina Dalaman yang mempamerkan hasil kerja kreatif mereka melalui cadangan reka bentuk, analisis, penyelidikan, penerokaan idea dalam 2D dan 3D serta lukisan *contractual.*

Projek-projek pelajar ujarnya, mempamerkan reka bentuk yang berkonsepkan riadah, pameran, perkhidmatan, perdagangan dan pendidikan.

Antara tujuan utama dan matlamat pameran ini jelasnya, adalah untuk memasarkan projek-projek pelajar dan memberikan peluang pekerjaan di peringkat profesional selepas tamat pengajian dengan adanya kehadiran organisasi-organisasi berkaitan selain membudayakan konsep hijau dengan meningkatkan kreativiti kitar semula dan memperlihatkan idea kreatif penggunaan barang terbuang yang di kitar semula menjadi suatu barangan lain yang berbeza rupa dan fungsi.

Di samping itu, ia juga dapat membantu pengurangan bahan buangan dan mengurangkan pembaziran penggunaan sumber semula jadi serta meningkatkan kesedaran orang ramai dan majikan ke arah persefahaman dan pengiktirafan program-program yang dijalankan oleh PB.

Pada majlis perasmian tersebut, seramai tiga orang pelajar telah menerima anugerah, iaitu 'Most Improved Student Award' kepada Dayang Fatin Nursyamimi binti Ahmad; 'Best Design and Presentation Award' kepada Dayang Rashidah binti Haji Yusof dan 'Best Student Award' kepada Dayangku Siti Nurul Nur Ashikin bin Pengiran Junaidi.

Dayang Fatin Halwa binti Haji Rosman, salah seorang pelajar kursus Diploma Lanjutan dalam Program Seni Bina Dalaman ketika ditemui berkata, pameran ini bertujuan sebagai media komunikasi bagi para pelajar akhir tahun dalam Jurusan Seni Dalaman Arkitektur untuk memperlihatkan kerja masing-masing dengan idea-idea dan projek terbaharu.

Menurut beliau, pameran yang berkonsepkan 'AWAKEN' itu bertujuan untuk menghidupkan semua barangan terpakai yang tidak lagi digunakan bagi meningkatkan kesedaran orang ramai dengan menggunakan dan mengitar semula barang-barang terpakai tersebut.

Ketika ditanyakan mengenai konsep yang beliau pilih bagi pameran tersebut, beliau menjelaskan bahawa beliau memilih konsep kargo kontainer kerana beliau menitikberatkan kepentingan *recycle* dan *reuse.*

"Kargo kontena boleh didapati di mana-mana tempat sekarang dan kebanyakannya tidak digunakan lagi. Jadi konsep ini menunjukkan bahawa kargo kontena juga mempunyai kepentingannya tersendiri dan boleh dijadikan sebuah bangunan bukan hanya setakat dijadikan sampah dan terbiar," ujarnya.

Pameran dibukakan bermula jam 9.00 pagi hingga 4.00 petang bagi hari Selasa, 24 Mei 2016 dan jam 9.00 pagi hingga 3.00 petang bagi Rabu 25 Mei 2016.



PAMERAN Seni Bina Dalaman Politeknik Brunei Kedua diadakan di Lobi Jabatan Kerja Raya.

# JAPEM terima sumbangan kerusi roda



JABATAN Pembangunan Masyarakat (JAPEM) menerima sumbangan kerusi roda dari Heroes Event Management dan Hua Ho Department Store.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 24 Mei. - Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) menerima sumbangan kerusi roda dari Heroes Event Management dan Hua Ho Department Store.

Majlis Penyerahan Sumbangan tersebut berlangsung di Dewan Imtiyaz, Pusat Bahagia, Daerah Brunei dan Muara, Jalan Kebangsaan, di sini.

Penyerahan sumbangan tiga buah kerusi roda daripada pihak Heroes Event Management dan Hua Ho Department Store, diserahkan oleh Pengasas Heroes Event Management, Aaron Goh kepada Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Hajah Noridah binti Abdul Hamid.

Turut hadir menyaksikan majlis berkenaan, ketua-ketua bahagian dan pegawai-pegawai JAPEM.

Sumbangan seperti ini amat dihargai dan sedikit sebanyak membantu dalam usaha meningkatkan kesedaran dan pembentukan sikap positif dalam kalangan masyarakat dan seterusnya menggalakkan penglibatan sukarelawan dan keinginan menyumbang lebih banyak daripada orang ramai mahupun persatuan-persatuan atau syarikat terhadap golongan orang berkeperluan khas.

# UNISSA wakili negara ke Mesyuarat ISCC Kedua, Thailand

**Siaran Akhbar dan Foto :**
**Universiti Islam Sultan Sharif Ali**



SERAMAI 19 ketua yang mewakili 16 buah negara menghadiri Mesyuarat ISCC Kedua yang berlangsung di Phuket Graceland Resort & SPA Hotel, Phuket, Thailand.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 23 Mei. - Dalam usaha meluaskan lagi hubungan dan jaringan kerjasama strategik di antara Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan universiti-universiti terkemuka di rantau Asia Tenggara dan antarabangsa, Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal baru-baru ini telah diundang untuk menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras Pengajian Islam (Islamic Studies Coordinating Committee - ISCC) Kedua, yang telah berlangsung di Phuket Graceland Resort & SPA Hotel, Phuket, Thailand pada 20 - 22 Mei 2016.

Mesyuarat ISCC Kedua yang dianjurkan dan ditaja oleh Universiti Prince Songkla (PSU) ini bertujuan untuk membincangkan projek yang akan dilaksanakan hasil dari resolusi yang dicadangkan pada Mesyuarat ISCC yang pertama.

Projek yang dicadangkan termasuk pendidikan yang bertujuan untuk melahirkan generasi baharu yang dipupuk dengan moral yang baik, mempunyai pengetahuan yang menyeluruh dan badan yang sihat, dengan memberikan penekanan kepada perkara seperti Kurikulum dan Garis Pandu Kursus; Pedagogi; dan Penyelidikan Wassatiyah; Penubuhan Persefahaman dan Kerjasama dengan memberikan penekanan pada bidang-bidang utama seperti berikut : Promosi dan perkembangan pelajar dan pertukaran tenaga akademik, dialog di antara agama dan di antara budaya dan komunikasi, dan terjemahan bertulis buku teks dan akademik untuk pemahaman dan aplikasi Islam yang sebenar.

Cadangan projek ini amat berguna untuk pengalaman pengurusan pendidikan agama dan pemimpin agama Islam untuk membangunkan pendidikan, sains dan keharmonian kehidupan beragama yang akan terus menerus kekal pada masa akan datang.

Mesyuarat juga membincangkan persiapan bagi mengadakan Persidangan Antarabangsa Pengajian Islam Keempat yang dijadualkan akan diadakan pada bulan April 2017.

Dalam masa yang sama, mesyuarat juga berhasrat untuk meningkatkan penglibatan ahli akademik dan wakil-wakil setiap negara untuk merancang dan memberikan sumbangan positif dalam Persidangan Antarabangsa Pengajian Islam yang akan datang.

Seramai 19 ketua yang mewakili sebanyak 16 buah negara telah menghadiri Mesyuarat ISCC Kedua tersebut. Mereka yang turut hadir termasuk Tan Sri Profesor Dr. Mohammad Kamal Hassan dari International Islam Universiti Malaysia; Profesor Dr. Mohammed Hassan Awad dari Universiti Azhar, Mesir; Profesor Dr. Mohammad Ahmad Musallam Al-Khalaileh, Jabatan Mufti, Jordan; Profesor Dr. Sinasi Gunduz, Universiti Istanbul, Turki; dan beberapa wakil lain dari Jepun, Malaysia, Pakistan, Mesir, Jordan, Turki, Indonesia, Negara Brunei Darussalam, Timor-Leste, India, China, Kemboja, Republik Demokratik Rakyat Lao, Myanmar, Republik Filipina, dan tuan rumah Thailand.

Turut serta dalam rombongan UNISSA ialah Timbalan Rektor, Dr. Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad yang sebelumnya telah menghadiri Mesyuarat Asian Islamic Universities Association (AIUA) Ketiga di Universiti Fatoni, Pattani, Thailand pada 17-19 Mei 2016.

# Lawatan peserta Kursus Bengkel Penulisan Berkesan ABDB ke DBP



PARA peserta Kursus Bengkel Penulisan Berkesan (Bahasa Melayu), Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) semasa mengadakan lawatan sambil belajar ke Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Berakas.

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 25 Mei. - Para peserta Kursus Bengkel Penulisan Berkesan (Bahasa Melayu), Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) mengadakan lawatan sambil belajar ke Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Berakas untuk memberikan pendedahan mengenai kepentingan memartabatkan dan memperkasakan bahasa Melayu.

Di samping itu, lawatan tersebut adalah untuk mengetahui buku-buku bermutu keluaran DBP serta menimba pengetahuan mengenai cara-cara buku diterbitkan.

Lawatan yang disertai 16 tentera pangkat soldadu dan korporal dari pelbagai unit ABDB dan 14 orang awam dari Kementerian Pertahanan itu diketuai oleh Pegawai Pelajaran, Pusat Evolusi Institut Latihan ABDB, Awang Muhammad Azmi bin Haji Zaini, selaku Pengendali Kursus.

Semasa lawatan tersebut, para peserta mengadakan lawatan ke Kedai Buku DBP dan juga diberikan taklimat mengenai Buku Terbitan DBP yang disampaikan oleh Pegawai Ketua Penerbitan Kanan DBP, Awang Mohd. Azurin bin Haji Othman.

Juga hadir dalam lawatan tersebut ialah Pemangku Timbalan Pengarah DBP, Dayang Hajah Sariani binti Haji Ishak.

Menurut Awang Muhammad Azmi kepada Pelita Brunei, lawatan itu akan dapat membantu para peserta mengetahui kesalahan yang dilakukan oleh mereka dari segi imbuhan, majmuk, kata ganda dan tugasan.

Melalui lawatan itu juga dihasrat dapat mendedahkan para peserta kursus bengkel yang diadakan selama lima hari bermula pada 23 hingga 27 Mei di Pusat Evolusi tersebut dalam hal ehwal surat, di samping memperbetulkan bahasa Melayu yang digunakan seperti terdapat dalam surat-menyurat, di samping agar mereka dapat memberikan pandangan mengenai perkembangan bahasa Melayu.

# Lapan peserta tamatkan kursus

**Siaran Akhbar dan Foto :**
**Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**

**TEMBURONG**, Rabu, 25 Mei. - Seramai lapan penerima biasiswa Kementerian Pertahanan dan kakitangan kementerian berkenaan baru-baru ini telah menyertai Kursus Kesedaran Peribadi selama tujuh hari di Pusat Outward Bound Brunei Darussalam (OOBD).

Menurut Siaran Akhbar Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), kursus itu merupakan salah satu aktiviti yang telah dimuatkan dalam program induksi bagi penerima-penerima biasiswa Kementerian Pertahanan bagi tahun 2016 daripada penerima-penerima ini adalah terdiri daripada belia-belia yang berumur di antara 19 hingga 25 tahun.

Menurut pegawai pengiring peserta kursus, Pegawai Tugas-Tugas Khas di Kementerian Pertahanan, Dayang Susie Haslinda binti Abdullah, selama para peserta menjalani kursus tujuh hari di Pusat OBBD, mereka terlihat menjadi lebih mandiri (berdikari) dan dapat mengenal diri mereka masing-masing dengan lebih dekat lagi terutama dalam menerokai kelemahan / kekurangan dan kelebihan diri masing-masing untuk dijadikan panduan asas ke arah menjalani hidup yang lebih sempurna di masa hadapan.

Menurutnya lagi, sepanjang keberadaan kami menyertai kursus berkenaan, semuanya berjalan dengan baik dan lancar sesuai dengan apa yang telah dirancangkan.

Para jurulatih yang membantu dalam menjayakan kursus itu juga sangat profesional dan sangat menitikberatkan aspek keselamatan para peserta.

Pusat OBBD merupakan satu-satunya Pusat Pembangunan Jati Diri yang diiktiraf oleh Badan Outward Bound Antarabangsa yang terdapat di Negara Brunei Darussalam yang berorientasikan pendidikan ke arah membantu pelbagai lapisan masyarakat khususnya para belia dalam menanam, membina dan memantapkan nilai-nilai jati diri dan ciri-ciri kepimpinan mereka dengan menggunakan kaedah 'Pembelajaran Melalui Pengalaman' dan 'Latihan Pengembaraan' di dalam persekitaran yang asing lagi penuh mencabar.

Program-program kursus yang terdapat di Pusat OBBD juga lebih menekankan pada aspek-aspek pembangunan jati diri belia yang merangkumi ketahanan fizikal dan mental, kecepatan daya berfikir, menjalin hubungan setia kawan, berdikari, disiplin diri ke arah membantu negara ini bagi melahirkan belia-belia berjiwa besar, berdikari, mempunyai nilai patriotisme yang tinggi serta berguna pada agama, bangsa dan negara bagi mencapai Wawasan Negara 2035.

Antara aktiviti-aktiviti yang dimuatkan dalam program-program kursus di Pusat OOBD ialah kayak, *abseiling, flying fox, solo night, team building, rock climbing, jungle trekking* dan sebagainya.



PARA peserta kursus semasa menyertai Kursus Kesedaran Peribadi di Pusat Outward Bound Brunei Darussalam.

# ABDB gagah harungi pelbagai cabaran











Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Jabatan Penerangan

**TIDAK** dapat dinafikan bahawa keamanan, kedamaian dan keselamatan yang kita nikmati di bumi Brunei Darussalam ini adalah hasil dari usaha dan perjuangan serta pengorbanan yang telah dicurahkan oleh para pejuang yang terdahulu.

Sebagai memperingati jasa dan bakti mereka itu, Negara Brunei Darussalam mengadakan Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) pada setiap 31 Mei. Pengorbanan dan kesetiaan mereka diharap akan dapat memberi semangat dan kesedaran di hati kita, di samping menyemai semangat perjuangan dalam diri kita dan generasi akan datang.

ABDB telah melalui pelbagai pengalaman dan perkembangan sejak penubuhannya pada tahun 1961. Alhamdulillah pada tahun ini genaplah 55 tahun usia ABDB, maka semestinya sambutan tersebut diisi dengan nilai-nilai murni dan penuh rasa kesyukuran dan keinsafan terutama dalam menghayati dan memahami erti keamanan dan kesejahteraan, sesuai dengan kehendak ajaran Islam.

Negara memerlukan pasukan tentera yang merupakan keperluan asasi yang mesti ada di dalam sesebuah negara, tanpa adanya tentera sesebuah negara itu sudah pasti negara akan sentiasa berada dalam keadaan terancam dan tidak selamat dari sebarang ancaman sama ada dari luar mahupun dalam negara itu sendiri. Manakala kekuatan sesebuah negara itu bukan sahaja dengan memiliki peralatan yang canggih, tetapi juga dapat dinilai sekiranya negara tersebut memiliki tentera yang berkualiti dari segala fizikal dan mental lebih-lebih lagi jika berkemahiran menggunakan senjata-senjata moden.

Sebagaimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi ABDB pada Upacara Sovereign's Parade bagi Pegawai Kadet Pengambilan Ke-14 yang berlangsung di Padang Kawad Akademi Pertahanan ABDB, Tanah Jambu, bertitah mengingatkan bahawa pertahanan bukan setakat bergantung kepada peralatan dan kesenjataan semata-mata malah turut penting ialah keupayaan para anggota dalam memainkan peranan masing-masing.

"Jika peranan itu berjaya dilaksanakan dengan baik maka tidak syak lagi ia akan menjadi nilai tambah kepada peralatan dan persenjataan."

Sesungguhnya nikmat keamanan negara yang kita kecapi hari ini bukanlah sesuatu yang mudah dicapai apatah lagi ia merupakan hasil perjuangan dan pengorbanan para pahlawan tanah air yang sanggup mempertarungkan jiwa raga demi melihat keamanan di bumi tercinta ini.

Dalam usia 55 tahun, banyak perkembangan telah dicapai oleh ABDB, antaranya penubuhan akademi tentera dan institusi pengajian pertahanan dan Strategik Sultan Haji Hassanal Bolkiah serta kerja-kerja peningkatan kepada institut latihan. Penubuhan institut ini akan dapat memperluaskan lagi perspektif dan visi para anggota tentera dan sebagai wadah pembelajaran sepanjang hayat bagi mendapatkan pelbagai kemahiran.

Kewujudan sesebuah akademi mahupun institusi ketenteraan tersebut bukan hanya bertujuan untuk melahirkan para tentera negara tetapi kewujudannya juga berperanan dalam melahirkan seorang pemimpin atau ketua yang berkaliber dan amat diperlukan bagi memastikan pasukan atau kumpulan yang diketuainya itu dapat menjalankan fungsi dan tanggungjawab yang telah diamanahkan itu dengan baik, begitulah juga dalam ketenteraan yang menjaga keamanan negara. Ketaatan adalah merupakan kunci kejayaan dan kemenangan sesebuah misi dalam ketenteraan lebih-lebih lagi ketika menghadapi peperangan.

Bagi memantapkan lagi ketenteraan di negara ini Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga telah menubuhkan Akademi Pertahanan bertapak di Perkhemahan Sungai Akar secara sementara dan kini telah berpindah ke Sekolah Pegawai Kadet yang baharu di Kampung Tanah Jambu yang telah dirasmikan oleh Kebawah DYMM pada hari Khamis, 28 April 2016 yang lebih dikenali dengan Akademi Pertahanan ABDB.

Matlamat utama akademi ini ialah sebagai satu *centre of excellence* yang cemerlang dan dikenali serta mampu untuk melahirkan pemimpin-pemimpin tentera yang berwibawa dan berkaliber tinggi, di mana di penempatan yang baharu ini latihan dan pembelajaran akan dapat dilaksanakan dalam suasana yang lebih kondusif dan moden, di samping untuk melahirkan pemimpin-pemimpin tentera yang berwibawa dan berkaliber mampu untuk menanai tanggungjawab yang besar dan siap sedia untuk berhadapan dengan cabaran-cabaran yang lebih mencabar pada masa akan datang iaitu menepati misi dan tujuan Akademi Pertahanan.

Dengan adanya bangunan baharu tersebut, Akademi Pertahanan ABDB dijangka akan dapat meningkatkan lagi tahap latihan dan pembelajaran bagi pegawai-pegawai ABDB selaras dengan Wawasan Brunei 2035. Perancangan ini setentunya akan mempersiapkan bakal-bakal pemimpin tentera generasi baharu untuk menghadapi cabaran benteng pertahanan negara.

Konsep utama Akademi Pertahanan adalah selaras dengan Wawasan Kementerian Pertahanan dalam melaksanakan keteguhan, kuasa-kuasa responsif dan sumber bersenjata yang cekap, berkaitan dengan mempertahankan kedaulatan, keutuhan wilayah negara ini dengan memegang perlembagaan dan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB).

Hasrat tersebut juga adalah sejajar dengan moto Sekolah Pegawai Kadet ABDB, iaitu 'Setia, Takwa dan Berani' dan mencapai aspirasi Kementerian Pertahanan untuk melahirkan barisan pertahanan yang *robust, responsive*, dan efisien. Kerana Pegawai-Pegawai Kadet yang telah terpilih menyertai latihan Pegawai Kadet merupakan harapan bangsa untuk mendukung aspirasi keamanan dan keselamatan negara.

Di samping itu juga, institut ini ditubuhkan bertujuan untuk mewujudkan suasana yang lebih profesional, langkah-langkah menimba ilmu, mengasah kepakaran, memperoleh peralatan dan membina infrastruktur dan dalam melahirkan kepimpinan yang berkesan kerana pemimpin-pemimpin perlu mempunyai wawasan dan mempunyai disiplin yang tinggi dan keimanan yang teguh untuk melakukan peningkatan, di samping turut memiliki kebolehan dan keimanan bagi mengatasi apa saja kelemahan.

Sebagaimana titah Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Hari Ulang Tahun ABDB Ke-47 pada 25 Jamadilawal 1429 Hijrah bersamaan 31 Mei 2008 Masihi :

Dalam institut ketenteraan, ciri-ciri kepimpinan seperti ini adalah amat mustahak untuk membezakannya dari institut-institut yang lain. Semua lapisan kepimpinan dalam ABDB perlu menjadi *centre of gravity*, di mana semua kebajikan atau kepentingan angkatan ini banyak bergantung. Para pemimpin mestilah menjadi teladan kepada yang dipimpin, baik dari segi standard, disiplin, mahupun hubungan dengan Allah Subhanahu Wata'ala. Pimpinan yang berjaya ialah bila mana pimpinan itu berjaya membawa anggota pimpinannya memenuhi tanggungjawab-tanggungjawab yang dipikul kepada mereka.

Mereka ini juga bakal barisan pelapis dan seterusnya akan memegang tampuk kepimpinan ABDB dan benteng utama pertahanan negara, iaitu sebagai sumber manusia ABDB iaitu bersesuaian dengan titah Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi ABDB ketika merasmikan Akademi Pertahanan di Kampung Tanah Jambu, iaitu bahawa infrastruktur yang luas dan baharu ini merupakan satu pelaburan besar yang diikhtiarkan oleh kerajaan baginda bagi menjana kapasiti sumber manusia angkatan bersenjata. Di samping berperanan untuk menaikkan imej dan profil Akademi Pertahanan di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Dengan adanya bangunan baharu ini, diharapkan Akademi Pertahanan menjadi sebuah pusat pendidikan dan latihan ketenteraan yang benar-benar berjaya, sama ada secara dalaman mahupun di mata luar, iaitu selaras dengan Kertas Putih Pertahanan Kemas Kini 2007 yang mana penubuhan pusat-pusat kecemerlangan dikekalkan sebagai salah satu matlamat utama Kementerian Pertahanan, iaitu bagi mengembangkan profesionalisme pegawai-pegawai ABDB.

Ketaatan adalah kunci kejayaan dan kemenangan sesebuah misi dalam ketenteraan, lebih-lebih lagi ketika menghadapi peperangan. Anggota tentera yang menjalankan tugasnya dengan amanah dan penuh dedikasi sangatlah kita sanjungi dan hormati kerana jasa mereka itulah negara kita selamat dari ancaman musuh. Mereka tidak akan menjalankan tugas dengan sambil lewa kerana mereka tahu akan akibat dari kelalaian boleh membahayakan keselamatan rakyat dan membuka peluang kepada pihak musuh untuk menceroboh negara.

Selain itu, apa yang penting juga pasukan tentera hendaklah memiliki kepimpinan dan pengawasan yang cekap dan bijaksana. Semua itu akan melahirkan sesebuah pasukan tentera yang saling bersatu padu serta mempunyai persefahaman yang kukuh dan mantap. Di negara kita Brunei Darussalam, angkatan tentera dikenali sebagai ABDB, tugas sebagai tentera ini adalah mulia di sisi agama mahupun negara. Bagi belia-belia yang ingin berkhidmat sebagai tentera janganlah menganggap ia satu pilihan terakhir sehingga menyebabkan kualiti kerjanya tidak memuaskan.

Tugas sebagai tentera adalah tugas yang sangat murni lagi mulia, ia bukan tugas yang mudah, tetapi banyak risiko dan berat tanggungjawabnya. Anggota tentera yang menjalankan tugas dengan amanah dan penuh dedikasi sangatlah kita sanjungi dan hormati. Kerana jasa mereka itulah negara kita selamat dari ancaman musuh. Mereka tidak menjalankan tugas dengan sambil lewa kerana mereka tahu akan akibat dari kelalaian boleh membahayakan keselamatan rakyat dan membuka peluang kepada pihak musuh untuk menceroboh negara.

Dengan disiplin yang mantap dan tabah menghadapi cabaran akan menaikkan martabat anggota tentera pada kedudukan yang selayaknya. Buktikan kepada masyarakat bahawa anggota tentera merupakan nadi dalam mempertahankan maruah sesebuah negara, bangsa dan watan dari anasir-anasir yang boleh menggugat keamanan dan kesejahteraan serta mampu menjadi perangsang kepada generasi muda untuk menceburi kerjaya yang penuh cabaran dan sentiasa relevan setiap masa.

Hari Ulang Tahun ABDB tahun ini bertemakan 'ABDB Generasi Berwawasan' warga ABDB diharapkan agar dapat meningkatkan lagi kekuatan jati diri dengan memfokuskan kekuatan fizikal, mental dan spiritual. Fizikal atau jasmani, iaitu tubuh badan yang sentiasa kuat dan sihat dapat dicapai dengan adanya latihan yang profesional dan bijak merancang strategi peperangan.

**PERKEMBANGAN**

Lima puluh lima tahun usia ABDB telah memperlihatkan beberapa perkembangan yang dicapai antaranya dengan pertambahan unit-unit besar dalam ABDB seperti Angkatan Tentera Darat, Angkatan Tentera Laut, Angkatan Tentera Udara, Pusat Latihan, Jabatan Agama ABDB, Akademi Tentera dan Institut Pengajian Pertahanan dan Strategik Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Tambahan lagi, untuk menjadi pelengkap matlamat ABDB, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan penubuhan beberapa institusi termasuk Jabatan Perkembangan Keupayaan Tentera, Pusat Penyelidik dan Perkembangan Sains dan Teknologi dan Akademi Pertahanan.

Selain dari berkhidmat dalam negara, ABDB juga terlibat dalam misi-misi pengamatan luar negara seperti penyertaan dalam Misi IMT di Filipina dan UNIFIL di Lubnan.

Selain itu, penglibatan di dalam operasi-operasi luar negara, khasnya yang di bawah misi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu perlu diteruskan, kerana ia memberikan manfaat yang cukup besar, bukan saja bagi anggota yang terlibat dan ABDB sendiri, malahan juga bagi negara dalam bidang diplomasi pertahanan dengan sendirinya turut meletakkan Negara Brunei Darussalam selaku penyumbang terhadap keselamatan antarabangsa.

**SARANAN**

Sebenarnya, mempertahankan keharmonian dan kedaulatan bukan sepenuhnya dipikul oleh ABDB saja, tetapi setiap rakyat negara ini perlu memainkan peranan masing-masing.

Selaku rakyat yang cintakan negara, sama-samalah kita menanam semangat kenegaraan dan perjuangan yang tinggi dalam diri masing-masing dan jangan sesekali hanya menyerahkan tanggungjawab berkenaan kepada anggota tentera saja.

Untuk itu, kita sangat berterima kasih kepada ABDB telah dapat melaksanakan amanah dan menjalankan tugas dalam menjaga dan mengekalkan keamanan di negara kita ini. Selamat menyambut Ulang Tahun ABDB Ke-55.

Akhirnya marilah kita sama-sama berdoa semoga anggota ABDB akan sentiasa mendapat taufik dan hidayah serta sentiasa mendapat perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala dan kita memohon kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar tertanam dalam jiwa mereka semangat cintakan agama, bangsa dan negara dan semangat rela berkorban. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan sentiasa melindungi negara kita dari ancaman musuh dan musibah. Amin Yarabbal Alamin.





**JABATAN PERLABUHAN-PERLABUHAN**
**KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

**JABATAN PELABUHAN**
**KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

**TENDER NOTICE**
**JP/T8/2016-2017 - DESIGN, SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, MAINTENANCE, TESTING, COMMISSIONING AND TRAINING OF CCTV SURVEILLANCE SYSTEM FOR THE PORTS DEPARTMENT MUARA, BRUNEI DARUSSALAM**

SEALED bids are invited for the companies registered with
MINISTRY OF DEVELOPMENT CLASS : III & IV ONLY

1. Bidding documents can be obtained from :

**TENDER AND QUOTATION UNIT**
**2nd FLOOR**
**PORTS DEPARTMENT**
**HEADQUARTERS MUARA**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**MONDAY until THURSDAY**
**8.00 Am until 11.00 Am**
**1.30 Pm until 2.30 Pm**
**SATURDAY**
**8.00 Am until 10.00 Am**

Requests for bidding document should be accompanied with a non-refundable document fee of **BND50.00 (BRUNEI DOLLARS FIFTY ONLY).**

**BIDDING DOCUMENTS WILL BE ISSUED UP TO 1 JUNE 2016, A WEEK BEFORE CLOSING DATE.**

**TIME AND PLACE FOR SUBMISSION OF BIDS**

2. The bid (s) must be sent in a sealed, plain envelope with the following requirements :
(a) **JP/T8/2016-2017 - DESIGN, SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, MAINTENANCE, TESTING, COMMISSIONING AND TRAINING OF CCTV SURVEILLANCE SYSTEM FOR THE PORTS DEPARTMENT MUARA, BRUNEI DARUSSALAM** must be clearly written on the front side of the envelope.
(b) The envelope used must **NOT** bare the name of any company or supplier.
(c) The envelope must be addressed to :

**The Chairman**
**Mini Tender Board Committee**
**Ministry of Communications Building**
**Jalan Menteri Besar**
**Negara Brunei Darussalam**

(d) The bids will be received only until **TUESDAY, 14 JUNE 2016, 2.00 Pm.**
3. The Government of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

---

**JABATAN UKUR**
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**BILANGAN TAWARAN :**
**JUA01/2016**
**BAIK PULIH DAN PEMINDAHAN STESEN CORS KBEL**
**YURAN TAWARAN - BND30.00**

1. TAWARAN adalah dipelawa dari syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Setiap penender hendaklah menyatakan sah laku tawaran.
3. Borang Tender's Declaration hendaklah disertakan setelah diisi dengan lengkap dan ditandatangani.
4. Dokumen dan borang tawaran serta keterangan lanjut bolehlah diperolehi seperti berikut :

**Tingkat 2**
**Pusat Maklumat Geomatik**
**Jabatan Ukur**
**Kementerian Pembangunan**
**Jalan Pembangunan**

5. Pembayaran yuran tawaran adalah seperti yang dijadualkan dan dihantar pada hari bekerja :

**Isnin hingga Khamis dan Sabtu :**
**8.00 Pagi hingga 12.00 Tengah Hari**
**1.30 Petang hingga 3.00 Petang**

6. Yuran tawaran tidak akan dikembalikan.
7. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dengan tidak menunjukkan sebarang tanda syarikat dan pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis **tajuk tawaran seperti di atas.**
8. Tawaran hendaklah dihadapkan pada atau **tidak lewat dari 2.00 Petang pada Selasa, 21 Jun 2016 bersamaan dengan 16 Ramadan 1437** kepada alamat berikut :

**Pengerusi**
**Lembaga Tawaran Kecil**
**Kementerian Pembangunan**
**Jalan Pembangunan**
**Berakas, BB3510**
**Negara Brunei Darussalam.**

9. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditentukan adalah tidak akan dilayan.
10. Salinan dokumen-dokumen berikut hendaklah disertakan :
. Sijil Pendaftaran Perniagaan
. Kad Pengenalan / No. Pasport
. Daftar Pemilik Syarikat
11. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

---

**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**PEMBERITAHUAN TAWARAN**
**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**<u>No. Tawaran : JPPK/LTN/04/2016</u>**

**Tajuk Tawaran :**
**NEW 'F' FLATS AT BERAKAS GARRISON - BALANCE OF WORKS - ADDITIONAL ROOFING AND GUTTERS**

**BAYARAN TAWARAN :**
**BND30.00 (tidak dikembalikan)**
**Kelas : III DAN KE ATAS SAHAJA**
**Kategori : B01**
**Tempoh Penyiapan : DUA (2) BULAN**

**<u>SYARAT-SYARAT TAWARAN</u>**

A. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Kementerian Pertahanan, Blok C, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam, **<u>tidak lewat jam 2.00 Petang, Selasa, 14 Jun 2016</u>**.

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja, di Tingkat 1, Blok D, Bangunan Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat). **<u>Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran pada 10 Jun 2016, Jumaat, jam 11.00 Pagi.</u>**

B. Bayaran tawaran hendaklah dibayar di Bahagian Pentadbiran dan kewangan. Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Blok 'C', Tingkat 1, Bangunan Kementerian Pertahanan,Bolkiah Garison BB3510, Negara Brunei Darussalam.

**<u>Waktu bagi menerima bayaran pada bulan Ramadan:</u>**
**Isnin hingga Khamis**
**8.00 Pagi hingga 11.45 Pagi**
**Jumaat**
**8.00 Pagi hingga 10.30 Pagi.**

**<u>Waktu bagi menerima bayaran pada hari-hari biasa :</u>**
**Isnin hingga Khamis**
**8.00 Pagi hingga 3.00 Petang**
**Jumaat**
**8.00 Pagi hingga 10.30 Pagi**
**2.30 Petang hingga 3.00 Petang**

Waktu bagi mengambil dokumen tawaran adalah pada waktu pejabat.

C. Pembekal adalah dikehendaki membayar semua Yuran Dokumen dan bayaran tawaran bagi semua tawaran seperti yang diiklankan. Yuran tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (*bona-fide-tender*). Kadar yuran tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

D. Pemborong yang tidak memenuhi kelas dan kategori yang dinyatakan, tidak akan dibenarkan untuk menyertai tawaran ini.

E. Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.

F. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai tawaran tidak jujur (*non-bona-fide-tender*) dan tidak akan dilayan.

G. **<u>Salinan sijil pendaftaran perniagaan hendaklah disertakan bersama dengan menyenaraikan butir-butir syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor pasport pemilik.</u>**

H. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

I. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat, hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan tarikh tutup tawaran ini sepertimana yang diiklankan.

**KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI DAN PERDAGANGAN**

**JABATAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN ANTARABANGSA**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI DAN PERDAGANGAN**

**JAWATAN KOSONG**
**YANG DITAWARKAN OLEH**
**SEKRETARIAT AGUNG**
**PERTUBUHAN KERJASAMA ISLAM (OIC)**

**No. 1 : Jawatan :**
**Director, Conference Department**
**Penempatan : Jeddah, Kingdom of Saudi Arabia**
**Tarikh Tutup : 30 Jun 2016**

**No. 2 : Jawatan :**
**Director of the Department, Legal Affairs**
**Penempatan : Jeddah, Kingdom of Saudi Arabia**
**Tarikh Tutup : 30 Jun 2016**

Untuk makluman, pemohon yang berhajat untuk memohon jawatan tersebut boleh menghadapkan permohonan kepada :

**Directorate of Cabinet**
**OIC General Secretariat**
**P.o.Box 178, Jeddah, 21411**
**Kingdom of Saudi Arabia**
**Faksimile : +00966(2)6512288**
**E-mel : *vacancy@oic-oic.org***
**atau**
**Menghubungi Jabatan Pertubuhan-Pertubuhan Antarabangsa**
**Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam**

---

**JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**BILANGAN TAWARAN:**

**JDBM / T / 01 / 2016**

**TAWARAN :**
**MENGGANTI ATAP BLOK 'A' DAN 'B'**
**BANGUNAN LAMA, JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari syarikat yang mempunyai **Sijil Pendaftaran Kelas II dan Kategori Kerja KA01, B01, P05 dan E01 yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan.**

2. Dokumen tawaran boleh diperolehi di Bahagian Kewangan, Tingkat 1, Bangunan Baharu, Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Negara Brunei Darussalam dengan bayaran BND30.00 [Ringgit : Tiga Puluh sahaja] secara tunai bagi setiap satu dokumen tawaran dan pentadbiran [tidak dikembalikan].

3. Tawaran hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup (*sealed*) tanpa sebarang tanda pengenalan pengirim di luar sampul surat itu kecuali ditulis dengan nama projek.

4. Tawaran tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran ke alamat seperti di bawah :

**Peti Tawaran**
**Tingkat 1**
**Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri**
**Jalan James Pearce**
**Bandar Seri Begawan, BS8610**
**Negara Brunei Darussalam.**

**TIDAK LEWAT SELASA**
**21 JUN 2016, JAM 12.00 TENGAH HARI**

5. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran sama ada yang paling tinggi atau lain-lain tawaran.

---

**JABATAN PERIKANAN**
**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**PEMBERITAHUAN TAWARAN**
**JABATAN PERIKANAN**
**KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**BILANGAN TAWARAN : JPi/3/2016**
**TAJUK: DRY DOCKING OF PATROL VESSEL (KP ANUNAN 0055)**

1. TAWARAN hendaklah dialamatkan kepada dan dimasukkan ke :
**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil**
**Peti Lembaga Tawaran Kecil**
**Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan**
**Tingkat Bawah, Bangunan Kementerian Sumber-Sumber Utama**
**Jalan Menteri Besar, BB3910**
**Negara Brunei Darussalam.**

2. Tawaran hendaklah dihantar tidak lewat pada **Selasa, 28 Jun 2016, jam 2.00 Petang.** Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal / pemborong, ditulis atas sebelah kiri sampul surat :
**TAWARAN BAGI**
**DRY DOCKING OF PATROL VESSEL**
**(KP ANUNAN 0055)**
**Bilangan Tawaran : JPi/3/2016**
**Tarikh Tutup : 28 Jun 2016**
**Jam Tutup : 2.00 Petang**

4. **Untuk penerangan lanjut dan bagi mendapatkan dokuman tawaran, pemohon-pemohon boleh menghubungi Seksyen Petadbiran dan Kewangan, Tingkat Bawah, Jabatan Perikanan, Kompleks Perikanan Muara, Simpang 287-53, Jalan Peranginan Pantai Serasa, Muara, BT1728, Negara Brunei Darussalam di talian +673 2770066 atau melayari laman web Jabatan Perikanan; *www.fisheries.gov.bn*.** ***dan pembayaran dokumen tawaran di Tingkat Bawah, Seksyen Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Perikanan, Kompleks Perikanan Muara, Simpang 287-53, Jalan Peranginan Pantai Serasa, Muara, BT1728, Negara Brunei Darussalam pada hari-hari bekerja :***
**Isnin hingga Kamis dan Sabtu**
**8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi**
**1.30 Petang hingga 3.00 Petang**

**Sepanjang Bulan Ramadan :**
**8.15 Pagi hingga 12.30 Petang**

5. Yuran sebanyak **BND10.00** bagi satu tajuk tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap penender.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran tidak munasabah.

7. Salinan dokumen-dokumen seperti Pendaftaran Perniagaan, Lesen Rampaian, Kad Pengenalan / Pasport dan Daftar Pemilik syarikat hendaklah disertakan semasa mengambil dan menghantar borang tawaran.

8. Dokumen-dokumen tawaran boleh didapati mulai Rabu, 1 Jun 2016.

9. **Sesi taklimat tawaran (*briefing*) dan lawatan tempat (*site visit*) bagi tawaran JPi/3/2016 adalah dimestikan dan akan diadakan seperti berikut :**
**Pada : 14 Jun 2016 (Selasa)**
**Jam : 9.00 Pagi**
**Tempat : Kompleks Pendaratan Ikan Muara, Jabatan Perikanan, Jalan Perusahaan, BT1728, Negara Brunei Darussalam.**

10. **Penender mestilah mempunyai surat pendaftaran syarikat dari Jabatan Laut dan mempunyai klasifikasi dan kategori seperti berikut :**
**a) Kelas 2 : MEA, MEB, MED, MEE dan MNB.**
**b) Penender atau limbungan kapal perlu diiktiraf oleh Bureau Veritas (BV) dan salinan surat resmi pengiktirafan (BV) yang masih sah sepanjang tempoh keseluruhan baik pulih kapal hendaklah disertakan.**

---

**JABATAN PERBENDAHARAAN**
**KEMENTERIAN KEWANGAN**

**PEMBERITAHUAN SEBUT HARGA**

**Bilangan Sebut Harga :**
**JPKK/A/138 Q.6/2016**
**Tajuk Sebut Harga :**
**MEMBEKALKAN 125 BUAH KOTAK SAMPUL SURAT TABUNG PENCEN BAGI KEGUNAAN JABATAN PERBENDAHARAAN**

**Tarikh Tutup / Jam :**
**13 Jun 2016 (Isnin), 9.00 Pagi**

**Tempat Menghantar Sebut Harga :**
**Peti Sebut Harga (*Quotation Box*)**
**Jabatan Perbendaharaan**
**Level 2, Tower Block**
**Bangunan Kementerian Kewangan**
**Commonwealth Drive**
**Negara Brunei Darussalam.**

**Syarat-Syarat Penyertaan :**

1. PEMOHON adalah dipelawa dari syarikat-syarikat yang berdaftar terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2. Pemohon hendaklah menggunakan borang asal yang dikeluarkan oleh Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

3. Borang tawaran hendaklah disertakan salinan **SIJIL PENDAFTARAN PERNIAGAAN 16 dan 17** hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat biasa yang tertutup (*sealed envelope*) dan menulis (dengan jelas) dengan menyatakan TAJUK dan BILANGAN TAWARAN serta TARIKH TUTUP tanpa membubuh sebarang pengenalan atau identiti syarikat / pemborong.

4. Setiap borang tawaran hendaklah diisi dengan lengkap dan dicap syarikat menggunakan dakwat BIRU sahaja.

5. Borang tawaran hendaklah dikembalikan dan dimasukkan ke dalam **PETI TAWARAN SEBUT HARGA JABATAN PERBENDAHARAAN** yang ditujukan kepada :

**PENGERUSI**
**JAWATANKUASA SEBUT HARGA**
**JABATAN PERBENDAHARAAN**
**TINGKAT 2, TOWER BLOCK**
**BANGUNAN KEMENTERIAN KEWANGAN**
**COMMONWEALTH DRIVE, BB3910**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

6. Tarikh akhir menghantar : **13 Jun 2016 (Isnin) sebelum jam 9.00 Pagi.**

7. Setiap satu borang tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat.

8. Borang tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan **TIDAK AKAN DILAYAN.**

9. Borang-borang boleh diperolehi di **Kaunter Perkhidmatan Pelangan, Tingkat 2, Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan.**

**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**JEMPUTAN UNTUK MEMBERI TAWARAN**
* * *
**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK**
**JABATAN PERDANA MENTERI**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Bilangan Tawaran : JPE / LTK / JAN / 007 / 2016**
**Tajuk Tawaran :**
***PROVISION OF TECHNICAL ASSISTANCE IN THE MAINTENANCE OF 4 UNITS OF MAN K6 MAJOR MK3 GENERATING SETS AT THE BELINGUS POWER STATION***

**Tarikh Tutup : 7 Jun 2016**
**SELASA (2.00 PETANG)**

**Yuran Tawaran : BND50.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)**

**Tempat :**
**PENGERUSI**
**LEMBAGA TAWARAN KECIL**
**JABATAN PERDANA MENTERI**
**JALAN MENTERI BESAR, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Kelayakan :** ***OPEN TO LOCAL OR INTERNATIONAL MECHANICAL AND ELECTRICAL ENGINEERING COMPANIES WITH SPECIALISED KNOWLEDGE AND EXPERIENCE IN THE MAINTENANCE AND OVERHAUL OF MAN B & W MIRRLESS BLACKSTONE K6 MAJOR MK3 DIESEL ENGINE GENERATORS.***

DOKUMEN-DOKUMEN tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari **KAUNTER UNIT TAWARAN, TINGKAT 4, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri.**

**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**TAWARAN**
**MINDEF/DFA/RC/86 (4)**
**MAINTENANCE SERVICE AND REPAIR OF VOLVO BRAND VEHICLE IN SERVICES WITH THE ROYAL BRUNEI ARMED FORCES, MINISTRY OF DEFENCE, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM - FIVE (5) YEARS CONTRACT**
**BAYARAN TAWARAN :**
**BND500.00 (tidak dikembalikan)**

**SYARAT-SYARAT TAWARAN**

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Baharu, Kementerian Pertahanan, Blok 'C', Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat jam 2.00 Petang, Selasa, 10 Mei 2016 **DILANJUTKAN KE 14 Jun 2016** di Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Kementerian Pertahanan semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat) bermula pada **11 April 2016.**

Bayar di Unit Kaunter, Bahagian Kewangan, Blok 'C', Tingkat 1, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Blok 'D', Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam.

**Waktu bagi menerima bayaran** :

**Isnin hingga Khamis :**
**8.00 Pagi hingga 12.00 Tengah Hari**
**2.00 Petang hingga 3.00 Petang**
**Jumaat : 8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi**
**2.30 Petang hingga 3.00 Petang**

**Waktu bagi menerima bayaran bulan Ramadan :**

**Isnin hingga Khamis :**
**8.00 Pagi hingga 11.45 Pagi**
**Jumaat : 8.00 Pagi hingga 10.00 Pagi**

c. Pembekal adalah dikehendaki membayar semua yuran dokumen dan bayaran tawaran seperti yang diiklankan. Yuran tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (*bona-fide-tender*). Kadar yuran tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

d. Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.

e. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai tawaran tidak jujur (*non-bona-fide-tender*) dan tidak akan dilayan.

f. Salinan sijil pendaftaran perniagaan hendaklah disertakan bersama dengan menyenaraikan butir-butir syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor pasport pemilik.

g. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

h. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat, hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran serta catatan tarikh tutup tawaran ini.

i. Iklan-iklan tawaran bolehlah dilihat melalui laman sesawang: ***http://www.mindef.gov.bn.***

**MAHKAMAH PEGAWAI WARIS TUTONG**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**DI DALAM MAHKAMAH**
**PEGAWAI WARIS, TUTONG**
**SURAT KUASA PUSAKA : DE BONIS NON NO.1/2016**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HJ. ABD. MUTALIB BIN HAJI MD. IDRIS** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI MD. IDRIS BIN HAJI MD. SAID** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH TUTONG pada 4 Jun 2016, jam 9.00 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalamharta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, TUTONG** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 25 Mei 2016.

**SURAT KUASA PUSAKA : T/LA/11/2016**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **ROGAYAH BINTI IBRAHIM** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **IBRAHIM BIN DAMIT** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH TUTONG pada 4 Jun 2016, jam 9.00 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, TUTONG** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 25 Mei 2016.

**(DK. NORAFIDAH BINTI PG. HAJI BUNGSU)**
**B/p. Timbalan Pegawai Waris**
**Tutong**
**Negara Brunei Darussalam.**

**INSTITUT PENDIDIKAN TEKNIKAL BRUNEI**
**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**BAHAGIAN PENDIDIKAN LANJUTAN & LATIHAN**
**INSTITUT PENDIDIKAN TEKNIKAL BRUNEI**
**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**
**SIMPANG 347, JALAN PASAR BAHARU**
**GADONG, BE 1310**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**SIARAN MAKLUMAN KURSUS-KURSUS YANG AKAN DIJALANKAN.**

DIMAKLUMKAN bahawa Kursus Pendek kini dibukakan kepada orang ramai yang berminat.

Antara kursus-kursus yang ditawarkan, iaitu :

**1) KURSUS PENDEK TULISAN SENI KHAT**

**NASAKH DAN THULUTH**
**Hari : Jumaat**
**Jam : 7.00 Malam hingga 10.00 Malam**
**Tempoh : 18 jam (satu minggu sekali)**

**DIWANI**
**Hari : Rabu**
**Jam : 7.00 Malam hingga 9.00 Malam**
**Tempoh : 12 jam (satu minggu sekali)**

**DIWANI JALI**
**Hari : Khamis**
**Jam : 7.00 Malam hingga 9.00 Malam**
**Tempoh : 12 jam (satu minggu sekali)**

*** Kursus akan bermula pada bulan Julai 2016.**

**Bagi pertanyaan lebih lanjut mengenai Kursus Pendek Tulisan Seni Khat bolehlah menghubungi :**

**Pg. Md. Zainulariffin bin Pg. Md. Hassan di talian +673 2422493 sambungan 207.**

**Jika berminat sila ambil borang dan membuat pembayaran semasa waktu dan hari bekerja.**

**Bertempat :**
**Bahagian Pendidikan Lanjutan dan Latihan**
**Simpang 347**
**Jalan Pasar Baharu, Gadong**
**Institut Pendidikan Teknikal Brunei**
**Kementerian Pendidikan.**
**+673 2422493**

## JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
## JABATAN PERDANA MENTERI

**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**NOTIS TAWARAN**
**TENDER NO. :**
**RTB/K/18/RKN_PA/2016**
**GRASS CUTTING AT RTB BERAKAS BARRACKS, MADANG BARRACKS AND CfBD CENTRE**

**Bayaran Tawaran : BND5.00**
**(tidak dikembalikan)**
**Tarikh Tutup : 8 JUN 2016**

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada pemborong-pemborong yang mempunyai sijil pendaftaran kontraktor, berdaftar dalam Kelas I ke atas yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan.
2. Dokumen-dokumen tawaran dan keterangan lanjut bolehlah diperolehi dari **Pejabat Jurutera Penguasa, Tingkat 6, Bangunan Radio Televisyen Brunei, Bandar Seri Begawan, BS8610, Negara Brunei Darussalam** dengan menunjukkan resit pembayaran semasa waktu-waktu bekerja biasa dengan bayaran sebanyak **BND5.00 (tidak dikembalikan).**
3. Tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan sampul surat biasa yang tertutup tanpa menunjukkan identiti pembekal / pemborong. Bagaimanapun Bilangan Nombor Rujukan Tawaran (*Tender Reference No.*) dari tarikh tutup hendaklah ditulis dengan jelas.
4. Tarikh tutup tawaran ialah pada **Rabu, 8 Jun 2016, jam 2.00 Petang. Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran : 6 Jun 2016.**
5. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan kepada :

**PENGARAH**
**RADIO TELEVISYEN BRUNEI**
**JABATAN PERDANA MENTERI**
**BANDAR SERI BEGAWAN, BS8610**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**
**FAO : SUPERINTENDENT ENGINEER**

Dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran, Radio Televisyen Brunei, Bandar Seri Begawan.**
6. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan **TIDAK** akan dilayan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Salinan sijil perniagaan yang masih sah laku mestilah disertakan bersama.
9. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.
10. Pembayaran yuran tawaran hendaklah dibayar sama ada dengan wang tunai atau cek tempatan.
11. Wakil syarikat yang hadir mengambil dokumen tawaran hendaklah wakil yang dibenarkan oleh syarikat yang berkenaan dan hendaklah membawa bersama surat pengesahan dari syarikat dan kad pengenalan wakil untuk rujukan jabatan sebelum dokumen tawaran diserahkan.

## JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
## JABATAN PERDANA MENTERI

### PERUBAHAN WAKTU KAUNTER PEMBAYARAN DAN PEMBELIAN KUPON METER PRA-BAYAR SEPANJANG BULAN RAMADAN 1437H / 2016M

**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK**

Kepada
Semua Pelanggan Yang Dihormati

Semua Kaunter Jabatan Perkhidmatan Elektrik akan beroperasi semasa bulan Ramadhan 1437H/2016M mengikut waktu seperti berikut:

| | | |
|---|---|---|
| **Hari Isnin hingga Khamis dan Sabtu** | - | **8.15 Pagi hingga 1.00 Petang** |
| **Hari Jumaat** | - | **8.15 Pagi hingga 11.00 Pagi** |
| **Hari Ahad dan Hari Kelepasan Awam** | - | **TUTUP** |

Jabatan tidak lupa mengucapkan ribuan terima kasih ke atas kerjasama biskita dan memohon maaf mengenai perkara tersebut.

**DEPARTMENT OF ELECTRICAL SERVICES**

To
All Our Valued Customers

All counters of the Department of Electrical Services will be operating during the month of Ramadhan 1437H/2016M as below:

| | | |
|---|---|---|
| **Monday – Thursday and Saturday** | - | **8.15 am to 1.00 pm** |
| **Friday** | - | **8.15 am to 11.00 am** |
| **Sunday and Public Holiday** | - | **CLOSED** |

Thank you for your cooperation and we apologize for any inconveniences caused.

## UNIT PEMELIHARAAN ISTANA
## KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**PEMBERITAHUAN TAWARAN**
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**
***
**Unit Pemeliharaan Istana**
**Kementerian Pembangunan**
**Negara Brunei Darussalam**

Bilangan Tawaran : **KPN.IMU/T5/2016**
Tajuk Kerja : **PROVIDING SWIMMING POOL MAINTENANCE SERVICES TO MABOHAI COMPLEX, BERANGAN APARTMENT AND TELANAI HEIGHT FOR A PERIOD OF TWO (2) YEARS**
Tarikh Tutup : **21 JUN 2016**
Yuran Tawaran : **BND30.00**
Tempat Menghantar :
**PENGERUSI**
**LEMBAGA TAWARAN KECIL**
**TINGKAT BAWAH**
**BANGUNAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**
**JALAN LAPANGAN TERBANG LAMA BERAKAS**
**BANDAR SERI BEGAWAN, BB 3510**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

**Kelayakan : PEMBORONG YANG MEMPUNYAI SIJIL PENDAFTARAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN (KELAS II, III atau IV - KATEGORI B01, KPME01, KPB10 dan S02) DAN SIJIL PERNIAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DALAM BAB 16 DAN 17.**

DOKUMEN-DOKUMEN tawaran dan penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Kaunter Unit Pemeliharaan Istana, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Bilangan Tawaran : **KPN.IMU/T6/2016**
Tajuk Kerja : **TERM CONTRACT FOR GENERAL SERVICES TO MABOHAI COMPLEX, TELANAI TOWER, TELANAI HEIGHT, BERANGAN APARTMENT, JALAN PADANG FLAT AND TUMASEK PLAZA FOR A PERIOD OF TWO (2) YEARS**
Tarikh Tutup : **21 JUN 2016**
Yuran Tawaran : **BND50.00**
Tempat Menghantar :
**PENGERUSI**
**LEMBAGA TAWARAN KECIL**
**TINGKAT BAWAH**
**BANGUNAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**
**JALAN LAPANGAN TERBANG LAMA BERAKAS**
**BANDAR SERI BEGAWAN, BB 3510**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

**Kelayakan : PEMBORONG YANG MEMPUNYAI SIJIL PENDAFTARAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN (KELAS II, III atau IV - KATEGORI B01, KPB10 dan S02) DAN SIJIL PERNIAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DALAM BAB 16 DAN 17.**

DOKUMEN-DOKUMEN tawaran dan penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Kaunter Unit Pemeliharaan Istana, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

## KEMENTERIAN KESIHATAN

**JUALAN HARTA BENDA KERAJAAN**

**SEBUT HARGA BAGI 1 UNIT**
**HARTA BENDA KERAJAAN KEPUNYAAN BAHAGIAN PERKHIDMATAN FARMASI HOSPITAL**
**JABATAN PERKHIDMATAN FARMASI**
**KEMENTERIAN KESIHATAN**

**KETERANGAN HARTA BENDA:**

**BIL 1.** 1 Unit Peralatan / Perkakas Farmasi (Rosak)

**CAJ BORANG** : BND5.00

**TEMPAT MENGAMBIL BORANG SEBUT HARGA DI :**
Bahagian Pembelian dan Perbekalan
Tingkat Bawah
Kementerian Kesihatan
Commonwealth Drive, Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan, BB3910
Negara Brunei Darussalam.

**TEMPAT MENGHANTAR BORANG SEBUT HARGA DI :**
Bahagian Farmasi Pesakit Dalam Wad
Hospital RIPAS
Negara Brunei Darussalam

**TARIKH TUTUP MENGHANTAR BORANG SEBUT HARGA PADA :**
**Sabtu, 18 Jun 2016, sebelum jam 9.00 Pagi**

**TEMPAT MELIHAT 1 UNIT PERALATAN / PERKAKAS FARMASI (ROSAK) DI :**
Farmasi Pesakit Dalam Wad
Hospital RIPAS
Negara Brunei Darussalam

**TARIKH MELIHAT 1 UNIT PERALATAN / PERKAKAS FARMASI (ROSAK)**
**PADA : Rabu, 15 Jun 2016**
**jam 11.30 Pagi hingga 1.30 Petang**

Maklumat lanjut mengenai syarat-syarat dan harta benda, lokasi-lokasi dan borang sebut harga, sila berhubung dengan **Dayang Ong Hui Ling, Ahli Kimia Ubat, Farmasi Pesakit Dalam Wad, Hospital RIPAS di talian +673 2242424 sambungan 6477 / 6473 / 6475.**

**JABATAN PENERBANGAN AWAM**
**KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

**JABATAN PENERBANGAN AWAM**
**KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Syarat-Syarat Tawaran :**

1. TAWARAN adalah dipelawa untuk **'The supply, delivery, installation, configuration, testing and commisioning of new CCTV at Air Traffic Services, ATSC Building, Department of Civil Aviation'.**

2. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal / pemborong ditulis dengan :

**THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, CONFIGURATION, TESTING AND COMMISIONING OF NEW CCTV AT AIR TRAFFIC SERVICES, ATSC BUILDING, DEPARTMENT OF CIVIL AVIATION**

**Bilangan Sebut Harga :**
**ATELS/2016/SH- 04**
**Tarikh Tutup : 8 Jun 2016 (Rabu)**

**Kepada :**
**Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga**
**d/a. Aras Bawah, Bangunan Ibu Pejabat**
**Jabatan Penerbangan Awam**
**Kementerian Perhubungan**
**Bandar Seri Begawan, BB2513**
**Negara Brunei Darussalam.**

3. Tawaran-tawaran hendaklah sampai kepada Jawatankuasa Sebut Harga **tidak lewat jam 2.00 Petang, Rabu, 8 Jun 2016.** Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Dokumen-dokumen bolehlah diperolehi dari Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam, iaitu semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Khamis dan Sabtu) dengan bayaran sebanyak **BND10.00 (tidak dikembalikan).**

5. Penerangan-penerangan lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Perkhidmatan Telekom Penerbangan, Jabatan Penerbangan Awam, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei melalui :

**Telefon : +673 2330142**
**sambungan 1221 / 1010**
**Faksimile : +673 2333666**

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

7. Iklan-iklan tawaran bolehlah dilihat melalui laman web ***http://www.civil-aviation.gov.bn.***

---

**JABATAN KAJI CUACA BRUNEI DARUSSALAM**
**KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

1. TAWARAN adalah dipelawa bagi : **"THE SUPPLY, DELIVERY AND TESTING OF PARACHUTES AND LITHIUM BUTTON BATTERY OPERATED FLASHLIGHTS TO THE BRUNEI DARUSSALAM METEROLOGICAL DEPARTMENT"**

2. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang ditutup rapi tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal / pemborong ditulis dengan :

**TAWARAN BAGI**
**"THE SUPPLY, DELIVERY AND TESTING**
**OF PARACHUTES AND LITHIUM BUTTON BATTERY OPERATED FLASHLIGHTS**
**TO THE BRUNEI DARUSSALAM METEROLOGICAL DEPARTMENT"**

**Bilangan Tawaran : JKBD/2016/SH-07**
**Tarikh Tutup : Rabu, 8 Jun 2016**

**Kepada :**
**Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga**
**Jabatan Kaji Cuaca Brunei Darussalam Tingkat 1, Divisyen Kewangan**
**Blok B23, Flat Anggerek Desa**
**Simpang 32-37**
**Kampung Anggerek Desa, BB3713**
**Negara Brunei Darussalam.**

3. Tawaran hendaklah sampai kepada **Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga** yang beralamat di atas tidak **lewat dari jam 2.00 Petang, Rabu, 8 Jun 2016**. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Dokumen tawaran boleh diperolehi semasa waktu-waktu bekerja dengan harga **BND5.00 senaskhah (tidak dikembalikan)** dari :

**Jabatan Kaji Cuaca Brunei Darussalam**
**Tingkat 1, Divisyen Kewangan Blok B23**
**Flat Anggerek Desa**
**Simpang 32-37**
**Kampung Anggerek Desa, BB3713**
**Negara Brunei Darussalam.**

**Untuk keterangan lanjut bolehlah menghubungi :**
**Jabatan Kaji Cuaca**
**di talian +673 2381342.**

5. Sebut Harga mestilah dihantar dengan menggunakan borang yang telah disediakan. Jumlah harga tawaran hendaklah dicatat / ditulis dengan betul dan jelas demi mengelakkan sebut harga tidak akan dilayan. Barang yang ditawarkan hendaklah menepati kehendak spesifikasi seperti dinyatakan di dalam **Lampiran TS.**

6. Sebut Harga hendaklah sah sehingga **120 hari** dari tarikh tutup sebut harga.

7. Penender hendaklah menyertakan **salinan sijil pendaftaran** yang menyenaraikan butir-butir syarikat berkenaan berserta salinan **kad pintar atau pasport pemilik.**

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran yang tidak munasabah.

---

**JABATAN KAJI CUACA BRUNEI DARUSSALAM**
**KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

1. TAWARAN adalah dipelawa bagi : **"THE SUPPLY, DELIVERY AND TESTING OF METEOROLOGICAL UPPER AIR OBSERVATIONS BALLOONS TO THE BRUNEI DARUSSALAM METEROLOGICAL DEPARTMENT"**

2. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang ditutup rapi tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal / pemborong ditulis dengan :

**TAWARAN BAGI**
**"THE SUPPLY, DELIVERY AND TESTING**
**OF METEOROLOGICAL UPPER AIR OBSERVATIONS BALLOONS**
**TO THE BRUNEI DARUSSALAM METEROLOGICAL DEPARTMENT"**

**Bilangan Tawaran : JKBD/2016/SH-08**
**Tarikh Tutup : Rabu, 8 Jun 2016**

**Kepada :**
**Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga**
**Jabatan Kaji Cuaca Brunei Darussalam Tingkat 1, Divisyen Kewangan**
**Blok B23, Flat Anggerek Desa**
**Simpang 32-37**
**Kampung Anggerek Desa, BB3713**
**Negara Brunei Darussalam.**

3. Tawaran hendaklah sampai kepada **Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga** yang beralamat di atas tidak **lewat dari jam 2.00 Petang, Rabu, 8 Jun 2016**. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Dokumen tawaran boleh diperolehi semasa waktu-waktu bekerja dengan harga **BND5.00 senaskhah (tidak dikembalikan)** dari :

**Jabatan Kaji Cuaca Brunei Darussalam**
**Tingkat 1, Divisyen Kewangan Blok B23**
**Flat Anggerek Desa**
**Simpang 32-37**
**Kampung Anggerek Desa, BB3713**
**Negara Brunei Darussalam.**

**Untuk keterangan lanjut bolehlah menghubungi**
**Jabatan Kaji Cuaca**
**di talian +673 2381342.**

5. Sebut Harga mestilah dihantar dengan menggunakan borang yang telah disediakan. Jumlah harga tawaran hendaklah dicatat / ditulis dengan betul dan jelas demi mengelakkan sebut harga tidak akan dilayan. Barang yang ditawarkan hendaklah menepati kehendak spesifikasi seperti dinyatakan di dalam **Lampiran TS.**

6. Sebut Harga hendaklah sah sehingga **120 hari** dari tarikh tutup sebut harga.

7. Penender hendaklah menyertakan **salinan sijil pendaftaran** yang menyenaraikan butir-butir syarikat berkenaan berserta salinan **kad pintar atau pasport pemilik.**

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran yang tidak munasabah.

## KEMENTERIAN PERTAHANAN

**TAWARAN**
**MINDEF/DFA/2016/TA/3003**
**SUPPLY, INSTALLATION, COMISSIONING AND TRAINING OF CNC TURRET MILLING MACHINE**

**BAYARAN TAWARAN :**
**BND30.00 (tidak dikembalikan)**

**SYARAT-SYARAT TAWARAN**

a. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Baharu, Kementerian Pertahanan, Blok 'C', Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat jam 2.00 Petang, Selasa, 21 JUN 2016. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran (Blok 'D'), Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Kementerian Pertahanan pada hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat) bermula pada **25 Mei 2016.**

b. Bayaran yuran tawaran (*tender fee*) hendaklah dibayar di Unit Kaunter, Bahagian Kewangan, Blok 'C', Tingkat 1, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Blok 'D', Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam.

**Waktu bagi menerima bayaran :**
**Isnin hingga Khamis**
**8.00 Pagi hingga 12.00 Tengah Hari**
**2.00 Petang hingga 3.00 Petang**
**Jumaat**
**8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi**
**2.30 Petang hingga 3.00 Petang**

**Waktu bagi menerima bayaran bulan Ramadan :**
**Isnin hingga Khamis**
**8.00 Pagi hingga 11.45 Pagi**
**Jumaat**
**8.00 Pagi hingga 10.00 Pagi**

c. Pembekal adalah dikehendaki membayar semua yuran dokumen dan bayaran tawaran seperti yang diiklankan. Yuran tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (*bona-fide-tender*). Kadar yuran tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

d. Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.

e. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai tawaran tidak jujur (*non-bona-fide-tender*) dan tidak akan dilayan.

f. Salinan sijil pendaftaran perniagaan hendaklah disertakan bersama dengan menyenaraikan butir-butir syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor pasport pemilik.

g. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

h. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat, hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran serta catatan tarikh tutup tawaran ini.

i. Iklan-iklan tawaran bolehlah dilihat melalui laman sesawang: ***http://www.mindef.gov.bn.***

## JABATAN KERJA RAYA
## KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM KELAS :**
**V (IV, V & VI) SAHAJA**
**KATEGORI : [KA01 SAHAJA] - (KOD BAHARU)**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN :**
**18 JUN 2016 (SABTU)**

**TARIKH TUTUP TAWARAN :**
**12 JULAI 2016 (SELASA) TIDAK LEWAT DARI JAM : 2.00 PETANG**

**BIL. : JKR/DDS 001/2016 - SEW (JT).T.V**
**NAMA PROJEK :**
**SKIM PEMBENTUNGAN BAGI KAMPUNG LUMUT (TAWARAN SEMULA)**
**YURAN TAWARAN : BND500.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)**
**YURAN E-DOKUMEN : -**

**Syarat-Syarat Tawaran :**

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam (kecuali) lain dari alamat yang dinyatakan dalam iklan atau dokumen tawaran.

Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (*sealed*) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar ke alamat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Dokumen tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait (bilangan tawaran yang dimulai dengan huruf ("JKR/DDS ...") bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.

Yuran tawaran tidak akan dikembalikan kepada mana juga kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.

Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa sijil pendaftaran kontraktor dan pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar yuran tawaran.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawarantawaran yang terendah atau lain-lain tawaran.

## PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN
## JABATAN PERDANA MENTERI

**PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN**
**JABATAN PERDANA MENTERI**
**BILANGAN TAWARAN : EGNC/PM/4.1/3.2016**
**"THE MAINTENANCE OF EGNC DATA CENTRE 2016 - 2021"**

**Syarat-Syarat Tawaran :**

1. DIBUKAKAN pada syarikat atau perusahaan yang mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam menguruskan / mengendalikan / membuat pemeliharaan ke atas Data Centre.

2. Syarikat atau perusahaan yang berhajat untuk ikut serta bagi tawaran yang tersebut di atas hendaklah membuat pembayaran bagi harga yuran tawaran yang berjumlah BND500.00 dan seterusnya mendapatkan dokumen tawaran dalam bentuk cakera padat berjumlah BND5.00 dari :

**SEKSYEN KEWANGAN, DIVISYEN PENGURUSAN KEWANGAN**
**PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN**
**JABATAN PERDANA MENTERI**
**SIMPANG 69-18, JALAN E-KERAJAAN**
**GADONG, BE1110, BANDAR SERI BEGAWAN**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

pada setiap **Isnin hingga Khamis dari jam 8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi** sahaja.
Bagi penjualan di sepanjang **bulan Ramadan** adalah
pada setiap **Isnin hingga Khamis dari jam 8.15 Pagi hingga jam 10.00 Pagi** sahaja.

3. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk tawaran seperti berikut :
**BILANGAN TAWARAN : EGNC/PM/4.1/3.2016**
**"THE MAINTENANCE OF EGNC DATA CENTRE 2016 - 2021"**
tanpa menunjukkan nama syarikat atau perusahaan dan sampul surat itu hendaklah ditujukan kepada :
**PENGERUSI LEMBAGA TAWARAN KECIL**
**JABATAN PERDANA MENTERI**
**JALAN MENTERI BESAR**
**BANDAR SERI BEGAWAN**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

tidak lewat dari **jam 2.00 Petang pada Selasa, 21 Jun 2016**

4. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat menerima tawaran yang rendah atau sebarang tawaran difikirkan tidak munasabah.

5. Sesi penerangan tawaran akan diadakan pada **Rabu, 1 Jun 2016** bertempat di Pusat Kebangsaan E-Kerajaan, Simpang 69-18, Jalan E-Kerajaan, Gadong, BE1110 pada jam **9.30 Pagi.**

6. Syarikat atau perusahaan yang berminat untuk menghadiri sesi penerangan berkenaan hendaklah menghadapkan tiga (3) orang nama wakil ke jabatan ini melalui nombor Faksimile : +673 2424940.

7. Bagi sebarang pertanyaan berhubung dengan sesi penerangan tersebut bolehlah menghubungi ke jabatan ini melalui talian telefon : +673 2424955 sambungan 130 atau e-mel ***cm@egc.gov.bn*** .

## JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
## KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

**IKLAN**

**JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN**
**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**TAWARAN UNTUK MEMAJUKAN TAPAK-TAPAK BAGI PERUSAHAAN PERTANIAN KOMERSIAL DI KAWASAN KEMAJUAN PERTANIAN (KKP)**
**BILANGAN : 05/2016**

TAWARAN bagi mempelawa pengusaha-pengusaha untuk menghadapkan permohonan bagi menyewa di tapak-tapak pertanian seperti berikut :

**TAPAK PERTANIAN :**
1) Lot 1 Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Batong, Kampung Batong, Mukim Pengkalan Batu, Daerah Brunei dan Muara
(Bagi pengeluaran biji benih padi hibrid).

Borang-borang permohonan boleh didapati dari Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510 mulai **RABU, 25 MEI, 2016** hingga **RABU, 8 JUN, 2016** dan tarikh akhir penghantaran borang-borang permohonan selewat-lewatnya **RABU, 15 JUN, 2016 sebelum 2.00 Petang.**

**Waktu mendapatkan borang permohonan tapak**

**ISNIN hingga KHAMIS**
**8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi**
**1.45 Petang hingga 3.00 Petang**

**SABTU**
**8.00 Pagi hingga 10.00 Pagi**

**(Waktu Bulan Ramadan)**
**ISNIN hingga KHAMIS**
**8.00 Pagi hingga 1.30 Petang**

**SABTU**
**8.00 Pagi hingga 10.00 Pagi**

Borang-borang permohonan yang lengkap dengan dokumen-dokumen yang diperlukan hendaklah dikembalikan dalam sampul surat yang tertutup dengan menyatakan tajuk dan bilangan iklan serta tarikh tutup tanpa menunjukkan identiti permohon ke :

**UNIT KAWASAN KEMAJUAN PERTANIAN**
**IBU PEJABAT JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN**
**LAPANGAN TERBANG LAMA**
**BERAKAS, BB3510**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Pegawai Projek :**
**Dayang Khairunnisa binti Haji Omar Ali**
**Telefon No. : +673 8762428**

**Dayang Bibi Khadizah binti Haji Rusli**
**Telefon No. : +673 8782851**

**Dayang Masjuwita binti Haji Muhin**
**Telefon. No. : +673 8654504**

**Awang Muhd. Najib bin Zakaria**
**Telefon No. : +673 8774261**

**Dayang Janta Unan**
**Telefon No. : +673 8789612**


ingin
berniaga?
layari
businessBN
www.business.gov.bn

**JABATAN PERANCANG DAN KEMAJUAN EKONOMI**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**SIARAN MEDIA**
**JABATAN PERANCANGAN**
**DAN KEMAJUAN EKONOMI**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**KEMAS KINI BANCI PENDUDUK DAN PERUMAHAN (KBPP) 2016**

1. KERAJAAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) akan mengendalikan **Kemas Kini Banci Penduduk dan Perumahan (KBPP) 2016** bagi Negara Brunei Darussalam bermula Mei hingga November 2016.

2. Objektif utama KBPP 2016 adalah untuk mengemas kini bilangan dan maklumat penduduk yang telah diperolehi semasa Banci Penduduk dan Perumahan (BPP) 2011 yang meliputi ciri-ciri demografi, pendidikan dan pekerjaan; di samping mengemas kini bilangan dan senarai perumahan di seluruh negara bagi kegunaan banci dan kajian akan datang.

3. KBPP 2016 akan dilaksanakan dalam dua fasa, iaitu :

**i) Fasa Pertama (Mei hingga September 2016) :**

Fasa Pertama ini akan dijalankan secara berperingkat-peringkat dan meliputi semua keluarga / isi rumah dan penduduk samada rakyat Negara Brunei Darussalam, penduduk tetap atau penduduk sementara, bagi mengemas kini maklumat ciri-ciri peribadi, peringkat pendidikan dan pekerjaan.

**ii) Fasa Kedua (Oktober hingga November 2016) :**

Fasa Kedua ini melibatkan kira-kira 5,000 buah keluarga / isi rumah sahaja yang telah dipilih secara rambang di beberapa buah kampung / kawasan bagi mengumpulkan maklumat yang lebih terperinci mengenai ciri-ciri tenaga kerja.

4. Semasa Fasa Pertama dijalankan, pegawai banci yang dilantik akan melawat ke tempat-tempat kediaman di seluruh negara bagi tujuan penomboran rumah dan seterusnya akan memasang pelekat bagi setiap tempat kediaman. Pegawai-pegawai banci akan juga menghantar surat makluman dan borang tanya banci kepada isi rumah. Pengumpulan maklumat banci ini dijalankan melalui *Self-Enumeration* (Self-E), di mana ketua atau ahli isi rumah mengisikan sendiri borang tanya yang disediakan untuk diambil semula dan disemak oleh pegawai banci pada tarikh yang dipersetujui bersama. Pegawai-pegawai banci boleh juga mengadakan temu duga bersemuka, jika dikehendaki oleh ketua atau ahli isi rumah berkenaan.

5. JPKE juga berhasrat untuk menjalankan uji cuba kaedah mengisikan dan mengembalikan borang tanya secara elektronik sebagai persediaan awal bagi pengendalian Banci Penduduk dan Perumahan pada Tahun 2021. Melalui kaedah ini, ketua atau ahli isi rumah boleh mengisikan sendiri borang tanya banci dengan memuat turun borang tanya banci dari laman web JPKE dan mengembalikannya melalui e-mel. Walau bagaimanapun, uji cuba ini hanya akan dibukakan kepada kumpulan sasaran tertentu yang telah dikenal pasti.

6. KBPP 2016 ini dijalankan di bawah Akta Banci, Penggal 78 dari Undang-Undang Negara Brunei Darussalam. Akta Banci mewajibkan orang ramai menjawab semua soalan banci dan menjamin bahawa maklumat individu adalah disimpan sulit dan dirahsiakan.

7. Hasil yang diperolehi melalui KBPP 2016 akan dapat memberikan tanda aras baharu bagi kegunaan penilaian, perancangan dan pembentukan dasar oleh pihak kerajaan, dan pelbagai tujuan penganalisaan dan penyelidikan oleh pengguna-pengguna lain.

8. Oleh yang demikian, sokongan dan kerjasama semua keluarga dalam memberikan maklumat yang tepat dan lengkap adalah sangat diharapkan bagi sama-sama menjayakan KBPP 2016 ini.

9. JPKE mengambil kesempatan ini untuk menyeru kepada orang ramai supaya akan dapat memberikan kerjasama kepada pegawai banci untuk memastikan KBPP 2016 ini berjalan dengan lancar. Sebarang pertanyaan mengenai KBPP 2016 ini bolehlah dirujuk ke JPKE melalui :

Telefon : +673 2230250 atau +673 2230265 (waktu pejabat)
E-mel : ***population.census@jpke.gov.bn***
Laman Sesawang : ***www.depd.gov.bn.***




**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**JABATAN RADIO**
**TELEVISYEN BRUNEI**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**NOTIS TAWARAN**
**TENDER NO. : RTB/K/19/RKN_PA/2016**
**CLEANING RTB ORCHESTRA, CfBD CENTRE AND SUBOK TX STATION**

**TENDER NO. : RTB/K/20/RKN_PA/2016**
**CLEANING OF RTB KUALA BELAIT STUDIO AND ANDULAU TX STATION**

**TENDER NO. : RTB/K/27/RKN_PA/2016**
**CLEANING OF RTB TUTONG STUDIO**

**Bayaran Tawaran : BND5.00**
**(tidak dikembalikan)**
**Tarikh Tutup : 8 JUN 2016**

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada pemborong-pemborong yangmempunyai sijil pendaftaran kontraktor, berdaftar dalam S01 & S02 yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan.

2. Dokumen-dokumen tawaran dan keterangan lanjut bolehlah diperolehi dari **Pejabat Jurutera Penguasa, Tingkat 6, Bangunan Radio Televisyen Brunei, Bandar Seri Begawan, BS8610, Negara Brunei Darussalam** dengan menunjukkan resit pembayaran semasa waktu-waktu bekerja biasa dengan bayaran sebanyak **BND5.00 (tidak dikembalikan).**

3. Tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan sampul surat biasa yang tertutup tanpa menunjukkan identiti pembekal / pemborong. Bagaimanapun Bilangan Nombor Rujukan Tawaran (*Tender Reference No.*) dari tarikh tutup hendaklah ditulis dengan jelas.

4. Tarikh tutup tawaran ialah pada **Rabu, 8 Jun 2016, jam 2.00 Petang. Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran : 6 Jun 2016.**

5. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan kepada :

**PENGARAH**
**RADIO TELEVISYEN BRUNEI**
**JABATAN PERDANA MENTERI**
**BANDAR SERI BEGAWAN, BS8610**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**
**FAO: DEPUTY DIRECTOR**
**(OPERATION)**

Dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran, Jabatan Perdana Menteri, Jalan Elizabeth II, Bandar Seri Begawan, BS8610.**

6. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan **TIDAK** akan dilayan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

8. Pembayaran yuran tawaran hendaklah dibayar sama ada dengan wang tunai atau cek tempatan.

# Sembilan rakan seliaan meterai perjanjian penempatan kerja

Oleh : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 25 Mei. - Seramai sembilan peserta dari rakan seliaan telah menandatangani perjanjian bagi penempatan kerja di masjid-masjid yang terpilih sebagai pembantu merbut, yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah.

Projek Rakan Seliaan tersebut adalah hasil kerjasama di antara Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dengan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) dan Jabatan Penjara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dibacakan oleh Awang Haji Suhaimi bin Haji Mohd. Noor diikuti dengan majlis penandatanganan dan seterusnya bacaan Doa Selamat.

Para pembantu merbut berkenaan ditempatkan dan ditugaskan di masjid-masjid dan surau-surau yang terpilih dengan menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dengan mengikut arahan dari semasa ke semasa daripada ketua imam masjid-masjid dan surau-surau yang dipantu secara berterusan daripada pegawai-pegawai Perkhidmatan Kaunseling dan Seliaan Jabatan Penjara.

Projek itu antara lain bertujuan untuk memberikan peluang pekerjaan kepada rakan seliaan yang belum bekerja dalam aspek ekonomi bagi menjamin masa depan dan melahirkan rakan seliaan yang bertanggungjawab kepada diri serta keluarga, agama, bangsa dan negara.

Ia juga untuk membentuk rakan seliaan yang berketerampilan dan berkeyakinan tinggi dalam semua aspek, di samping membentuk sahsiah diri, sifat kepimpinan serta cara pengurusan yang efektif.

Selain melahirkan rakan seliaan yang mempunyai kemahiran nilai, sikap, etika dan profesionalisme, menunjukkan tingkah laku profesional sesuai dengan etika kerjaya dalam melaksanakan tanggungjawab dengan integriti dan amanah.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut ialah Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh.

Juga hadir ialah Pemangku Pengarah Penjara, Awang Haji Ismail bin Haji Murat; Pemangku Penolong Pengarah, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Sham bin Haji Amin, selaku Saksi Perjanjian; Penolong Pengarah Urusan YSHHB, Awang Mustafa bin Haji Matahir dan Penolong Pengarah Urusan YSHHB, Awang Haji Puasa bin Haji Jumat.



PENGARAH Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh (kanan) hadir selaku tetamu kehormat menyaksikan penandatanganan perjanjian penempatan kerja bagi rakan seliaan di masjid-masjid yang terpilih sebagai pembantu merbut.

# Saudara Ku Kampung Setia ungkayah Projek Amal BEST

Berita dan Foto : Haji Ahmad Haji Salim

**BANDAR SERI BEGAWAN**. Ahad, 22 Mei. - Sempena dengan datangnya bulan Ramadan yang tidak lama lagi menjelang, pelbagai aktiviti yang berkebajikan telah dilaksanakan seperti bergotong-royong membersihkan tanah perkuburan orang Islam, membaik-pulih kediaman yang memerlukan dan sebagainya.

Aktiviti sedemikian ini diungkayahkan oleh pelbagai pihak yang terdiri daripada pihak-pihak kerajaan, penduduk kampung dan mukim, pertubuhan-pertubuhan beruniform, persatuan-persatuan sukarelawan dan orang-orang persendirian sama ada ia dilaksanakan atau dijalankan di Negara Brunei Darussalam sendiri mahupun di luar negara.

Ahli-ahli dan Jawatankuasa Saudara Ku Kampung Setia mengambil peluang itu dengan melaksanakan satu projek yang dipanggil Projek BEST, iaitu Beramal, Selagi Terdaya (BEST). Projek BEST merupakan kerja amal yang dijalankan secara gotong-royong bagi membersihkan tanah perkuburan orang Islam dan juga pemasangan papan tanda di kawasan Tanah Perkuburan Orang Islam Batu Miris, di sini.

Projek BEST bermula dengan pemasangan papan tanda Tanah Perkuburan Islam Batu Miris oleh Ahli-ahli dan Jawatankuasa Saudara Ku Kampung Setia dan kemudian ikuti dengan perasmian papan tanda yang telah disempurnakan oleh Penghulu Mukim Sungai Kebun, Pateh Dato Paduka Awang Haji Masri bin Ismail dan kerja Projek BEST diketuai oleh Ketua Kampung Setia 'A', Awang Haji Asli bin Haji Mamut.

Menurut Pengerusi Projek BEST Saudara Ku Kampung Setia, Awang Haji Jalil bin Haji Mail berkata, pemasangan papan tanda ini merupakan sumbangan yang dihulurkan oleh ahli-ahli dan jawatankuasa serta penduduk-penduduk Kampung Setia sebagai amal jariah dan juga untuk dimanfaatkan bagi panduan orang ramai khususnya orang Islam yang berziarah ke tanah perkuburan itu.

Selain itu katanya, dalam Projek BEST ini, pihaknya juga turut menerima sumbangan dalam bentuk bahan-bahan untuk kegunaan pembinaan dan pemasangan papan tanda daripada ahli-ahli dan jawatankuasa dan penduduk-penduduk Kampung Setia.

Selain itu jelasnya, pihaknya juga turut menerima sumbangan beberapa peralatan pembersihan daripada Kumpulan Bekas Penuntut-Penuntut Alumni Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Seri Begawan (SM SMJA), untuk dimanfaatkan dan digunakan oleh orang ramai khusunya orang Islam yang menziarahi tanah perkuburan tersebut.

Selain bergotong-royong membersihkan kawasan perkuburan, mereka juga turut mengadakan bacaan Tahlil dan Doa Arwah yang dikhususkan kepada ahli-ahli keluarga, saudara mara dan kaum Muslimin dan Muslimat yang dikebumikan di tanah perkuburan tersebut. Bacaan Tahlil dan Doa Arwah dipimpin oleh Awang Haji Izzuddin bin Haji Lakat @ Haji Lakim.

Kunjungan ke Tanah Perkuburan Islam Batu Miris yang terletak di tebing Sungai Limbang dan berdekatan dengan Bandar Limbang itu merupakan kunjungan pertama kali diadakan di luar Negara Brunei Darussalam, iaitu di Daerah Limbang, Sarawak yang diungkayahkan oleh Ahli-ahli dan Jawatankuasa Saudara Ku Kampung Setia sebagai projek tahunan.

Turut serta dalam Projek BEST itu ialah Ketua Kampung Setia, Awang Haji Asli.

Pada kunjungan tersebut, Penghulu Mukim Sungai Kebun, Pateh Dato Paduka Awang Haji Masri dan Ketua Kampung Setia 'A', Awang Haji Asli serta ahli-ahli dan jawatankuasa merakamkan gambar kenangan.



PENGHULU Mukim Sungai Kebun, Pateh Dato Paduka Awang Haji Masri dan Ketua Kampung Setia 'A', Awang Haji Asli serta ahli-ahli dan jawatankuasa merakamkan gambar kenangan.

# Pembayaran tanah melalui Sistem LARIS

Siaran Akhbar : Jabatan Tanah,
Kementerian Pembangunan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 25 Mei. - Jabatan Tanah di bawah Kementerian Pembangunan memperluaskan lagi perkhidmatan kepada pemilik-pemilik tanah dengan memperkenalkan 'Pembayaran Tanah Atas Talian (Online Land Payment)' melalui sistem LARIS (Land Application and Registration Information System).

Pembayaran Tanah Atas Talian akan membolehkan pemilik tanah untuk membuat pembayaran tanah yang tertunggak, contohnya, cukai tahunan tanah, duti setem, premium dan bayaran pendaftaran. Dengan kemudahan baru ini, pembayaran tanah boleh dibuat secara *online* dengan menggunakan kad kredit, dengan resit elektronik terus dihantar melalui e-mel kepada akaun e-Darussalam pengguna.

Perkhidmatan pembayaran ini akan juga diperluaskan kepada talian perbankan (*online banking*) dalam masa yang terdekat.

Inisiatif ini merupakan sebahagian usaha berterusan oleh Jabatan Tanah untuk meningkatkan perkhidmatan kepada orang ramai, ke arah memperbaiki kemudahan menjalankan perniagaan (*ease of doing business*) di Negara Brunei Darussalam.

Sistem LARIS telah pun dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan semenjak bulan Februari 2016 untuk membolehkan pemilik tanah menghadapkan permohonan bagi mendapatkan kebenaran untuk memindah milik tanah secara *online*.

Selain daripada permohonan untuk mendapatkan kebenaran memindah milik tanah, sistem ini juga menyediakan pemilik tanah untuk membuat permohonan secara *online* bagi mendapatkan kebenaran untuk menyambung tempoh pajakan tanah persendirian, tukar syarat khas tanah, menggadai tanah kepada institusi Kewangan dan memajak tanah persendirian (lebih 7 tahun).

Mulai 1 Mei 2016, permohonan tanah yang dihadapkan melalui perkhidmatan peguam adalah dimestikan memohon menggunakan LARIS.

# Pasukan Regatta TelBru capai kecemerlangan

Siaran Akhbar dan Foto : TelBru

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 24 Mei. - Latihan intensif selama tujuh bulan telah membuahkan hasil bagi pasukan Regatta TelBru dengan tiga acara korporat pada Perlumbaan Perahu Tradisional Kebangsaan 2016 yang diadakan Ahad lalu di Kompleks Sukan Air Serasa.

Menurut Siaran Akhbar TelBru, pasukan Regatta TelBru muncul juara pada Kategori Perahu Fiber 20 Pekayuh, Perahu Tradisional 15 Pekayuh dan Kategori 15 Pekayuh Perahu Fiber mengalahkan pesaing lain yang lebih berpengalaman.

Pasukan wanita juga menunjukkan prestasi yang luar biasa kerana mereka mendapat tempat kedua bagi Kategori Perahu Fibre 10 Pekayuh dan tempat ketiga bagi Perahu Fibre Kategori 8 Pekayuh.

Selain itu, TelBru juga mengesahkan tempat keempat bagi Kategori Perahu Fibre 30 Pekayuh, TelBru memenangi lapan trofi termasuk tiga trofi cabaran.

"Alhamdulillah, saya bersyukur kerana diberi peluang untuk mengetuai pasukan yang bersemangat dan komited yang tinggi seperti pasukan Regatta TelBru. Walaupun kami masih baru dalam sukan ini, tetapi saya percaya bahawa apabila kita bekerja keras bersama-sama kita boleh mencapai matlamat kita. Sasaran kami seterusnya adalah Regatta Brunei yang akan diadakan pada bulan Ogos 2016," kata Pengerusi dan Ketua Pasukan Regatta TelBru, Awang Abdul Muizz bin Jakaria.

"Saya amat berbangga menjadi sebahagian daripada pasukan TelBru Regatta, walaupun saya menyertai agak lewat dan memulakan latihan dengan banyak halangan dan perjuangan, tetapi apabila melihat semua trofi ini yang kita menang bersama-sama, saya benar-benar merasakan semua usaha kami berhasil dan berbaloi," kata Dayang Nurul Fadzreena binti Latip, salah seorang pengayuh paling muda Pasukan Perempuan TelBru Regatta.

Kelab TelBru Regatta telah dilancarkan secara rasmi pada 8 Mei lalu semasa perayaan pantai syarikat di Serasa dan kini kelab itu mempunyai lebih 40 pengayuh lelaki dan perempuan yang terdiri daripada kakitangan TelBru sahaja.




SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Dr. Awang Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin bergambar ramai bersama pasukan Regatta TelBru yang menjuarai tiga trofi Perlumbaan Perahu Tradisional Kebangsaan 2016.

Kelab ini juga disokong oleh Persatuan Lumba Perahu Kebangsaan (PERKEBAR).

TelBru telah menyokong pembentukan pasukan tersebut dengan menyediakan bot, dayung, jaket keselamatan dan memberikan jurulatih sepenuh masa untuk melatih ahli pasukan.

Komitmen yang kuat adalah selaras dengan usaha berterusan TelBru untuk menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan kakitangan melalui penyertaan aktif dalam pelbagai aktiviti sukan.

# Brunei Press juara bola jaring



ANTARA aksi dalam Perlawanan Bola Jaring Jemputan sempena Memperingati Hari Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-64 Tahun.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 29 Mei. - Pasukan Brunei Press muncul juara Perlawanan Bola Jaring Jemputan sempena Memperingati Hari Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-64 Tahun setelah menewaskan pasukan Gabungan Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Jabatan Tenaga yang berlangsung di Dewan Sukan Stadium Hassanal Bolkiah, Ibu Pejabat Polis Diraja Brunei, di sini.

Juara berjaya mengutip 15 mata dengan jumlah 68 jaringan, manakala naib juara memperoleh 12 mata dengan jumlah jaringan sebanyak 71.

Sementara tempat ketiga disandang oleh Jabatan Radio Televisyen Brunei (RTB) yang hanya memperoleh 9 mata dengan jumlah jaringan sebanyak 35.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang ialah Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.

Turut hadir juga pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan dan penyokong-penyokong daripada agensi-agensi yang turut serta.

Sebanyak lima buah pasukan bola jaring telah menyertai perlawanan tersebut yang terdiri dari Jabatan Penerangan, pasukan Gabungan JPM dan Jabatan Tenaga, Jabatan Audit, Jabatan RTB, dan Brunei Press.

Perlawanan berkenaan berasaskan corak permainan *round robin,* yang mana perkiraan mata terbanyak muncul sebagai juara.

Acara diakhiri dengan penyampaian piala, pingat dan sijil kepada johan, naib johan dan tempat ketiga, manakala piala sagu hati dan sijil diberikan kepada pasukan-pasukan yang mengambil bahagian oleh tetamu kehormat majlis.

Perlawanan bola jaring tersebut diadakan bagi menyemarakkan lagi Sambutan Memperingati Hari Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-64 Tahun dan juga bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan muhibah di antara Jabatan Penerangan dengan agensi-agensi kerajaan dan swasta yang dijemput.

# WBC terpaksa akur

Siaran Akhbar dan Foto : Kelab Boling Padang Wisdom



WAIE Ahmad ketika beraksi pada sesi pagi dalam Kejohanan Boling Padang.

**KOTA KINABALU**, Rabu, 25 Mei. - Hasrat pasukan Kelab Boling Padang Wisdom (WBC) dari Negara Brunei Darussalam untuk melangkah ke peringkat kalah mati tidak kesampaian apabila terpaksa akur selepas gagal menempatkan diri di kedudukan empat pasukan teratas dari empat kumpulan.

Peluang WBC 'A' untuk melepasi halangan peringkat kumpulan disekat pasukan Perth 'A' dari Australia apabila tewas tipis 13 - 14. Sementara itu, pasukan WBC 'C' pula bermain cukup baik pada hari ketiga semalam apabila melakar tiga kemenangan daripada empat perlawanan terakhir peringkat kumpulan, namun perbezaan mata menghalang mereka untuk berada pada kedudukan empat pasukan teratas untuk layak ke peringkat kalah mati.

Peluang terbaik WBC untuk mara ke pusingan kedua / kalah mati ialah menerusi pasukan WBC 'B', semalam mereka menang ke atas pasukan Labuan dengan kiraan 17 - 10. Namun kekalahan 7-18 di tangan pasukan RBT Sabah meranapkan impian mereka untuk mara ke pusingan kedua.

Menurut salah seorang pemain WBC, Ampuan Hajah Lily Maryani binti Ampuan Haji Salleh yang juga Timbalan Setiausaha WBC, "Sekalipun pasukannya mempamerkan permainan terbaik mereka namun pihak lawan turut tampil dengan prestasi terbaik mereka, hanya faktor nasib yang tidak menyebelahi mereka apabila terpaksa akur kerana setiap bola terakhir pihak lawan sering menjadi pemusnah."

Sementara itu, menurut Ketua Jurulatih WBC, Awang Haji Abdul Ghafar bin Pehin Orang Kaya Laksamana Dato Seri Setia Haji Mohd. Taha, kejohanan seperti ini merupakan medan terbaik buat pemain remaja dari Brunei untuk menimba pengalaman. Tambah beliau lagi, kejohanan-kejohanan seperti ini sering kali diadakan di Sabah, Labuan, Sarawak, Selangor dan Langkawi Kedah.

Pada kejohanan kali ini, ketahanan mental dan fizikal serta kepantasan mengadaptasi padang permainan menjadi kunci utama kepada pemain kita, beberapa kelemahan dapat dilihat pada kejohanan kali ini dan banyak pembaikan diperlukan buat pemain remaja apabila kembali ke tanah air nanti.

Perlawanan peringkat kalah mati hingga ke perlawanan akhir akan berlangsung pada hari Khamis di tempat yang sama, Gelanggang Boling Padang Kota Kinabalu, Kompleks Sukan Likas, Sabah Malaysia.

# Kemahiran memandu kereta tahan lasak



PEGAWAI Penguasa Balai Polis Limau Manis, Inspektor Abd. Sahrimin bin Abd. Rahman hadir selaku tetamu kehormat pada Acara Ujian Kemahiran Memandu Kereta Tahan Lasak.

Berita dan Foto :
Ihsan MPK Kampung Masin

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 22 Mei. - Pengawasan Kejiranan Kampung Masin telah terlibat dalam menganjurkan Ujian Kemahiran Memandu Kereta Tahan Lasak anjuran bersama MPK Kampung Masin, Kampung Bebatik, Pengawasan Kejiranan dan Persatuan Kereta Tahan Lasak.

Hadir selaku tetamu kehormat, Pegawai Penguasa Balai Polis Limau Manis, Inspektor Abd. Sahrimin bin Abd. Rahman.

Turut hadir ialah Ketua Kampung Masin, Awang Haji Moksin bin Haji Khamis dan 15 ahli Pengawasan Kejiranan Kampung Masin serta anggota polis, Balai Polis Limau Manis.

# Sekolah Rendah DPS Ukong juara futsal Kawasan Tutong II



ANTARA aksi peserta semasa Kejohanan Futsal Sekolah-Sekolah Rendah Kawasan Tutong II.

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pendidikan Kokurikulum**

**TUTONG**, Isnin, 23 Mei. - Sekolah Rendah Dato Pemancha Saging (DPS) Ukong muncul johan pada Kejohanan Peringkat Akhir Futsal Sekolah-Sekolah Rendah Kawasan Tutong II setelah menewaskan Sekolah Rendah Panchong melalui perkiraan penalti 4 - 2.

Tempat ketiga dimenangi oleh Sekolah Rendah Pengiran Kesuma Negara (PKN) Bukit Beruang setelah berjaya menundukkan Sekolah Rendah Tumpuan Telisai, Tutong, sekali gus menyandang tempat keempat pada kejohanan berkenaan.

Manakala Pemain Terbaik disandang oleh Elmie Eszualdynn bin Nordin (jersi 7) dari Sekolah Rendah DPS Ukong, Tutong.

Hadir selaku tetamu kehormat pada kejohanan yang berlangsung di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Tutong itu ialah Pegawai Pelajaran / Pegawai Kluster 5, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Awang Pitar bin Pangkat.

Sebelum perlawanan akhir dimulakan, tetamu kehormat diperkenalkan kepada guru-guru pengawas pasukan, pengadil-pengadil kejohanan dan pemain-pemain yang akan berlawan pada peringkat akhir hari ini.

Acara diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang dan sijil penyertaan bagi sekolah yang menyertai oleh tetamu kehormat dan sesi bergambar ramai.

Kejohanan anjuran Jabatan Pendidikan Kokurikulum (JPK), Kementerian Pendidikan melalui Cawangan Daerah Tutong ini berjalan selama tiga hari bermula 19, 21 dan 23 Mei 2016 dikendalikan oleh Sekolah Rendah Abdul Rashid Tanjong Maya, Tutong selaku tuan rumah.

Seramai 12 buah sekolah rendah kawasan Tutong II menyertai kejohanan yang dibahagikan kepada dua kumpulan itu di mana empat pasukan yang mara ke peringkat separuh akhir kejohanan ini ialah Sekolah Rendah Panchong, Sekolah Rendah DPS Ukong, Sekolah Rendah Rendah Tumpuan Telisai dan Sekolah Rendah PKN Bukit Beruang.

Turut hadir pada Kejohanan Futsal Sekolah-Sekolah Rendah Kawasan Tutong II ialah Ketua Kokurikulum Daerah Tutong, guru-guru besar sekolah yang terlibat dan juga guru-guru pengawas pasukan futsal sekolah-sekolah yang mengikuti kejohanan ini.

Tujuan kejohanan tersebut diadakan adalah sebagai salah satu kegiatan projek tahunan JPK Cawangan Daerah Tutong yang dihasrat dapat menjalinkan hubungan silaturahim dalam kalangan murid, di samping mengembangkan daya saing yang sihat dan keluruhan budi serta membina jasmani dan rohani yang sihat dan mantap, di samping meningkatkan tahap disiplin murid.

Selain itu, kejohanan ini juga dijalankan bagi memilih wakil pasukan futsal kawasan Tutong II untuk bertanding pada Kejohanan Futsal Sukan Sekolah-Sekolah Rendah Senegara yang akan dijalankan pada penghujung tahun ini.

Kejohanan ini terbuka kepada sekolah-sekolah rendah mengikut kawasan Tutong II. Penyertaan hanya terbuka kepada murid-murid lelaki sahaja yang berumur 12 tahun ke bawah dan setiap sekolah hanya dibenarkan menghantar satu pasukan sahaja yang terdiri daripada 10 orang pemain termasuk pemain simpanan.

# PERKEBAR duduki tempat ketiga

**Berita dan Foto : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**

**KOTA KINABALU, SABAH**, Ahad, 22 Mei. - Persatuan Lumba Perahu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (PERKEBAR) telah berjaya meraih tempat ketiga bagi Acara Perlumbaan 12 Orang Pekayuh Campuran 200 Meter Tempatan dan Antarabangsa pada Kejohanan Lumba Perahu Naga Antarabangsa Negeri Sabah 2016 Ke-3 yang berlangsung di Teluk Likas.

Muncul juara ialah Boracay Allstars B dari Filipina dengan catatan masa 59:03 saat dan naib juara dimenangi oleh Rasa Ria dari Sabah dengan catatan masa 59:46 saat.

PERKEBAR yang disertai oleh lapan pekayuh lelaki dan empat pekayuh wanita mencatat 59:96 saat.

Mereka berjaya membawa pulang piala dan wang tunai sebanyak RM1,000.

PERKEBAR menyertai sebanyak empat kategori, iaitu Perlumbaan 12 Orang Pekayuh Lelaki 200 Meter Tempatan dan Antarabangsa, Perlumbaan 12 Orang Pekayuh Campuran 200 Meter Tempatan dan Antarabangsa Perlumbaan Piala FCAS 18 Orang Pekayuh Campuran 800 Meter Tempatan dan Antarabangsa dan Piala Ketua Menteri Sabah Lelaki 800 Meter.

Bagi Acara Perlumbaan Piala FCAS 18 Orang Pekayuh Campuran 800 Meter Tempatan dan Antarabangsa, juara ialah Majlis Lumba Perahu Kampung Lurong Dalam (MLPKLD) dari Brunei dengan catatan masa 3:38:90 minit, naib johan milik Boracay Allstars dari FIlipina dengan catatan masa 3:39:89 minit dan tempat ketiga diraih oleh Mizanis Sport Boutique dari Sabah dengan catatan masa 3:41:24 minit.

Dalam acara itu, PERKEBAR berada di tempat kelima dengan catatan masa 3:42:53 minit setelah kalah diganding oleh Kelab Perahu Naga Lawas B dari Lawas dengan hanya beberapa detik sahaja yang mencatat 3:42:21 minit.

Bagi Acara Perlumbaan 12 Orang Pekayuh Lelaki 200 Meter Tempatan dan Antarabangsa dan Piala Ketua Menteri Sabah Lelaki 800 Meter, PERKEBAR telah gagal untuk melayakkan diri ke peringkat akhir.

Kejohanan kali ini lebih meriah dengan lebih 100 penyertaan dari dalam dan luar negara termasuk China, Filipina, Indonesia dan Negara Brunei Darussalam.

Sebanyak sembilan kategori dipertandingkan antaranya Kategori Antarabangsa, Persatuan-Persatuan Cina Tempatan dan Campuran yang turut menawarkan hadiah wang tunai berjumlah RM80,000.




PARA pekayuh PERKEBAR mendapat tempat ketiga bagi Acara Perlumbaan 12 Orang Pekayuh Campuran 200 Meter Tempatan dan Antarabangsa pada Kejohanan Lumba Perahu Naga Antarabangsa Negeri Sabah 2016 Ke-3.

Sabah FCAS International Dragon Boat Race Ke-4 akan diadakan pada 13 dan 14 Mei 2017 dan tertakluk kepada perubahan.

## AlaiPintar

PELITA BRUNEI AKHBAR RASMI KERAJAAN,
DIBERIKAN PERCUMA KEPADA RAKYAT;
RAJIN MEMBACA LUAS PENGETAHUAN,
ALAI JAWABLAH SOALAN TERCATAT.

SOALAN ALAI PINTAR **005**

## SOALAN 30 MEI 2016, ISNIN

Negara Brunei Darussalam terbahagi pada berapa daerah? Sila Alai nyatakan daerah-daerah tersebut?

..............................................................................................................
..............................................................................................................
..............................................................................................................

**TARIKH TUTUP : 2 Jun 2016, Khamis.**

**SYARAT PERADUAN :**

1. Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan.
2. Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :

**Sidang Pengarang, ALAI PINTAR**
**Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan**
**Lapangan Terbang Lama, Berakas**
**Bandar Seri Begawan, BB3510**
**Negara Brunei Darussalam.**

Nama: ..............................
Tarikh Lahir : ..............................
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : ..............................
Sekolah : ..............................
Tahun : ..............................
Alamat : ..............................
..............................
Nombor Telefon (mudah dihubungi) : ..............................

**HADIAH PEMENANG:**

1. ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK SEORANG SAHAJA. UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
2. ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER KEDAI BUKU DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA (DBP) SEBANYAK BND10.00.

**PEMENANG ALAI PINTAR 004:**
Nama : Nurshaafiyah binti Abd. Harris, No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0102062
Sekolah : Sekolah Rendah Rimba 1 (Tahun Pra).

**JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 004**
Sultan Brunei Ke-29 adalah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddadulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan baginda diputerakan pada 15 Julai 1946.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : ***www.pelitabrunei.gov.bn***

**TANAMKAN KESEDARAN CELIK KEWANGAN BAGI JAMIN MASA DEPAN**

دتربيتکن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله جابتن ڤرچيتقن کراجان، نݢارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.